AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

ڤليتا بروني

# PELITA BRUNEI

*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

**MANISNYA IMAN** مانيسڽ ايمان

**"DARIPADA Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Maksudnya : Siapa yang mengambil harta manusia (berhutang) disertai maksud akan membayarnya maka Allah akan membayarkannya untuknya, sebaliknya siapa yang mengambilnya dengan maksud merosakkan (merugikannya) maka Allah akan merosak orang itu." (Hadis Riwayat Imam Bukhari)**

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.42 | SUBUH 4.52 | SYURUK 6.11 | DUHA 6.34 | ZUHUR 12.20 | ASAR 3.33 | MAGHRIB 6.26 | ISYAK 7.37 | Daerah Belait ditambah 3 minit, Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 49 | 23 APRIL 2025 / 1446 شوال 24 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA

# BERKENAN KURNIAKAN SURAT WATIKAH PELANTIKAN, TERIMA SURAT TAULIAH PELANTIKAN



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai bersama Ketua-ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik yang berlangsung di Istana Nurul Iman. Foto : Mohammad Hasif Matzin (*Lihat muka 2 hingga 4*).**

# Berkenan hantar titah perutusan takziah

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 22 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan takziah kepada Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam, kerajaan dan rakyat Republik Singapura berikutan dengan kembalinya ke rahmatullah Puan Noor Aishah, isteri kepada Yusof Ishak, bekas Presiden Pertama Republik Singapura.

# Al-Quran sebagai pedoman, petunjuk sepanjang zaman

**Oleh : Marlinawaty Hussin**

**BERAKAS**, Selasa, 22 April. - Kalam Allah yang termaktub dalam kitab suci Al-Quran yang diwahyukan melalui Malaikat Jibril 'Alaihissalam adalah mukjizat teragung yang diturunkan kepada Nabi terakhir Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai pedoman dan petunjuk sepanjang zaman.

Di dalamnya terkandung hukum mengenai ibadah secara individu dan undang-undang sosial; kisah para Nabi dan umat terdahulu termasuk pelbagai petunjuk tentang kekuasaan Allah Maha Pencipta, kejadian alam dan sains.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri bersabda demikian pada Majlis Perasmian Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah/2025 Masihi yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah juga bersabda, hikmahnya adalah untuk diimani dengan hati dan difikirkan dengan akal manusia yang sihat.

**>> Muka 5**

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

## Berita Utama



**BERKONGSI kegembiraan Aidilfitri, jalinan perpaduan masyarakat**

**Muka 9**



**PENYERAHAN Projek Titian Amal ABDB**

**Muka 13**



**TANGANI ancaman kesihatan pelbagai dimensi**

**Muka 15**




**BOLA Baling semakin berkembang di peringkat nasional**

**Muka 31**

# BERKENAN KURNIAKAN SURAT WATIKAH PELANTIKAN, TERIMA SURAT TAULIAH PELANTIKAN





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Surat-surat Watikah Pelantikan kepada Ketua-ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik (atas kanan dan atas kiri).**

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hasif Matzin**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 21 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Surat-surat Watikah Pelantikan kepada Ketua-ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam (NBD) yang baru dilantik dan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Ketua-ketua Perwakilan ke NBD yang baharu, petang tadi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mula-mula berkenan mengurniakan Surat-surat Watikah Pelantikan kepada Wakil Tetap NBD ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di New York, Amerika Syarikat, Puan Yang Terutama Pengiran Hairani binti Pengiran Tajuddin dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Amman, Kerajaan Hasyimiah Jordan, Puan Yang Terutama Hajah Nor Huda binti Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Ahmad.

**>> Muka 3**

## WAKTU SEMBAHYANG

| APRIL MASIHI | HARI | SYAWAL HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 23 | RABU | 24 | 4.42 | 4.52 | 6.11 | 6.34 | 12.20 | 3.33 | 6.26 | 7.37 |
| 24 | KHAMIS | 25 | 4.41 | 4.51 | 6.11 | 6.33 | 12.20 | 3.33 | 6.26 | 7.37 |
| 25 | JUMAAT | 26 | 4.41 | 4.51 | 6.10 | 6.33 | 12.19 | 3.34 | 6.26 | 7.37 |
| 26 | SABTU | 27 | 4.40 | 4.50 | 6.10 | 6.33 | 12.19 | 3.34 | 6.26 | 7.38 |
| 27 | AHAD | 28 | 4.40 | 4.50 | 6.10 | 6.33 | 12.19 | 3.34 | 6.26 | 7.38 |
| 28 | ISNIN | 29 | 4.40 | 4.50 | 6.09 | 6.32 | 12.19 | 3.35 | 6.26 | 7.38 |
| 29 | SELASA | 1 (ZULKAEDAH) | 4.39 | 4.49 | 6.09 | 6.32 | 12.19 | 3.35 | 6.26 | 7.38 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 31 24 °C | 32 24 °C | 33 25 °C |
| Pekan Bangar | 31 24 °C | 31 24 °C | 33 25 °C |
| Pekan Tutong | 32 24 °C | 32 25 °C | 32 25 °C |
| Kuala Belait | 32 24 °C | 32 24 °C | 32 24 °C |

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG

23 APRIL 2025

### Gaya hidup sihat dengan mengamalkan membaca Al-Quran

**ALHAMDULILLAH**, Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan telah diadakan bagi tahun yang ke-67 tahun pada kali ini dan ia membawa tema 'Akal Sihat Dengan Al-Quran'. Tema ini mendukung dan menyuntik kesedaran serta menjayakan usaha senegara dalam menangani gejala mental dengan pendekatan kerohanian di samping ilmu dan amalan praktikal aspek perubatan dan kesihatan.

Menerusi tema tersebut juga bererti dengan mengamalkan gaya hidup sihat, dalam konteks Al-Quran ialah amalan membaca Al-Quran yang antaranya akan mententeramkan jiwa, hati sanubari daripada resah gelisah dan gundah-gulana, iaitu sebagaimana maksud dari firman Allah dalam Surah Ar-Ra'd ayat 28: "Orang-orang yang beriman dan hati mereka menjadi tenteram dengan mengingat Allah. Ingatlah, hanya dengan mengingat Allah hati menjadi tenteram."

Perkara tersebut antara yang dinyatakan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dalam sembah alu-aluannya pada Malam Pertama Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan 1446 Hijrah / 2025 Masihi.

Jelas Yang Berhormat lagi, musabaqah Al-Quran berterusan diadakan adalah bagi merangsang suasana ayat-ayat Al-Quran dibaca hampir setiap waktu dan ketika. Di samping itu, ke arah yang dimaksudkan untuk berakal sihat dengan Al-Quran adalah melalui amalan gaya hidup sihat yang tersedia melalui dasar pendidikan nasional.

Pendidikan formal yang meliputi pembelajaran ugama atau pengetahuan Islam (Islamic Knowledge), secara amali khasnya bersembahyang dan membaca Al-Quran di sekolah-sekolah itu, di samping ada yang mempelajarinya secara *non-formal* atas inisiatif persendirian atau keluarga dengan mendatangkan guru mengaji mengajar ke rumah-rumah, dan menghantar anak, cucu ke masjid-masjid pada sebelah pagi hari Jumaat, adalah sebagai usaha negara dan orang ramai untuk memungkinkan generasi demi generasi adalah generasi yang celik Al-Quran yang tentunya akan lebih baik dan sempurna lagi dengan berjinak-jinak untuk memahami ayat-ayat yang dibaca.

Di samping itu, bertepatan dengan tema 'Akal Sihat Dengan Al-Quran', adalah satu ungkapan yang tepat apabila kita melazimi dan mengamalkan membaca Al-Quran, secara tidak langsung ia akan mendidik diri ke arah kehidupan yang sihat secara kerohanian. Dengan pandai membaca Al-Quran dan melazimkan membacanya adalah salah satu usaha untuk menjaga dan memastikan akal sentiasa sihat. Semoga dengan mengamalkan dan melazimi membaca Al-Quran akan memberikan keberkatan dalam kehidupan seharian. - **Ketua Penyuntingan (Rd)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن فنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، ڠارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Sun Nahmkook dan Pesuruhjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh ke NBD, Puan Yang Terutama Naureen Ahsan (atas kiri dan atas kanan).**

**>> Muka 1**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke NBD, Tuan Yang Terutama Sun Nahmkook; Pesuruhjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh ke NBD, Puan Yang Terutama Naureen Ahsan dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke NBD, Tuan Yang Terutama Datuk Mohd. Aini Atan.

Seterusnya, baginda juga berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke NBD, Tuan Yang Terutama Janbaz Khan; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke NBD, Tuan Yang Terutama Kikuta Yutaka; Pesuruhjaya Tinggi Australia ke NBD, Tuan Yang Terutama Michael Neil Hoy dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kemboja ke NBD, Tuan Yang Terutama Chey Ratha.

**>> Muka 4**





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Datuk Mohd. Aini Atan; Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke NBD, Tuan Yang Terutama Janbaz Khan; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke NBD, Tuan Yang Terutama Kikuta Yutaka; dan Pesuruhjaya Tinggi Australia ke NBD, Tuan Yang Terutama Michael Neil Hoy (atas kiri, atas kanan, bawah kiri dan bawah kanan).**





PELITA BRUNEI





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima Surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kemboja ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Chey Ratha (kiri) manakala gambar atas, baginda berkenan beramah mesra bersama Ketua-ketua Perwakilan NBD yang baru dilantik.**

**>> Muka 3**

Selepas Majlis Mengurniakan Surat-surat Watikah Pelantikan dan Majlis Menyembahkan Surat-surat Tauliah Pelantikan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima mengadap Ketua-ketua Perwakilan NBD yang baru dilantik serta Ketua-ketua Perwakilan Asing ke NBD yang baharu.

Turut hadir pada majlis yang berlangsung di Istana Nurul Iman tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Juga hadir, Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Dato Paduka Awang Haji Hamiddon bin Haji Ibrahim; Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Awang Haji Muhammad Fakhri bin Haji Mohd. Taib dan Timbalan Setiausaha Tetap di JPM selaku Pemangku Grand Chamberlain, Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali.





**KEBAWAH DYMM berkenan beramah mesra bersama Ketua-ketua Perwakilan Asing ke Negara Brunei Darussalam yang baharu (kiri sekali, kiri, bawah tengah, bawah kanan).**



**KEBAWAH DYMM berkenan bergambar bersama Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke NBD, Tuan Yang Terutama Datuk Mohd. Aini Atan (atas) manakala gambar bawah dan bawah kanan, sekitar majlis tersebut yang diadakan di Istana Nurul Iman.**









# AL-QURAN SEBAGAI PEDOMAN, PETUNJUK SEPANJANG ZAMAN



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi.**

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**>> Muka 1**

Akal yang sihat dan cerdas sahaja, sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, yang dapat mendalami dan memahami hikmah ayat-ayat yang terkandung dengan melazimkan membaca, di samping mengukuhkan kefahaman melalui amalan tadabbur yang menjurus kepada menerangkan mata hati serta akal dan minda yang tajam.

Justeru, sabda Duli Yang Teramat Mulia, akal dikurniakan kepada manusia sebagai alat organ spiritual untuk memahami, menilai dan membuat keputusan berpandukan kepada wahyu Illahi agar tidak tersesat daripada kebenaran.

Sabda DYTM, akal disebut dalam Al-Quran sebanyak 49 kali dalam mana para ulama menafsirkan kata 'akal' disebut dengan kata kerja, iaitu suruhan supaya manusia sentiasa dalam proses memikir, memahami dan seterusnya mengenali Maha Pencipta alam semesta.

"Dalam hubungan ini, Paduka Ayahanda sempena sambutan Maulidur Rasul yang baru lalu khasnya mengurniakan titah mengenai dengan keperluan untuk memelihara akal, di sebalik cabaran-cabaran masa kini dalam mana Paduka Ayahanda turut menitahkan antara lain tentang akal yang sihat menjamin kehidupan berkat.

Jika akal sihat, semua akan berjalan dengan baik, lancar dan berjaya.

Sebab itu gejala mental adalah menjadi keutamaan untuk dirawat," sabda DYTM.

Dalam era digital masa ini, DYTM seterusnya bersabda, cabaran semakin besar terutama dengan kehadiran media sosial yang kadang-kadang menyebarkan maklumat bercanggah dengan ajaran Islam aliran Ahli Sunnah Waljamaah.

Oleh itu, sabda DYTM, kita perlu memperkuat sistem imun atau kekebalan diri dengan pendidikan ugama.

DYTM bersabda, ini penting supaya kita tidak terpengaruh oleh ideologi dan pemikiran yang tidak selari dengan dasar kerajaan.

"Sehubungan dengannya, Paduka Ayahanda juga seterusnya menitahkan bagi aktiviti-aktiviti dakwah yang dikendalikan oleh pihak-pihak berkenaan akan dapat disampaikan secara berhikmah, sehingga mampu untuk menjadi benteng menghalangi ajaran-ajaran sesat daripada disebar melalui pelbagai bentuk aplikasi media," sabda DYTM.

Dengan demikian, sabda DYTM, keperluan untuk memelihara akal dan seterusnya memperkukuh kekebalan diri adalah bertepatan dengan tema musabaqah kali ini, iaitu 'Akal Sihat dengan Al-Quran'.

DYTM bersabda, fungsi akal sihat menurut Al-Quran adalah akal yang selalu ingat kepada Allah, mengenal kebesaran-Nya, dan menjalankan fungsinya sesuai dengan tujuan penciptaannya.

DYTM besabda, firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah Ali-'Imran, ayat 190-191, tafsirnya: *"Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi serta pertukaran malam dan siang terdapat tanda-tanda (kekuasaan dan kebijaksanaan Allah) bagi orang-orang yang berakal (yang dapat memikir dan memahaminya). (Iaitu) orang-orang yang mengingati Allah dalam keadaan berdiri, duduk atau berbaring dan mereka memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): Ya Tuhan kami! Tidaklah Engkau menciptakan semua ini sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami daripada azab neraka."*

"Konsep 'Akal Sihat dengan Al-Quran' pada hemat saya bermaksud kesihatan dan ketajaman pemikiran seseorang bergantung kepada sejauh mana akal itu berpandukan ajaran Al-Quran," sabda DYTM.

DYTM bersabda, Al-Quran menyihatkan akal dengan membimbing akal ke arah kebenaran, mengajarkan manusia berfikir secara kritis dan merenungkan tanda-tanda kebesaran-Nya.

Sabda DYTM, Al-Quran juga menjauhkan daripada pemikiran yang tidak sihat, negatif dan songsang serta menghindarkan daripada ideologi yang menyesatkan dan nafsu yang melampaui batas.

"Di sinilah signifikannya peranan semua pihak berkepentingan khasnya dalam bersama-sama menjunjung serta menanai titah saranan Paduka Ayahanda seiring dengan keperluan untuk memperkasa masyarakat dalam menghayati ajaran-ajaran murni Islam berlandaskan Maqasid Syariah ke arah melahirkan generasi bangsa dan negara yang sentiasa berusaha meraih keberkatan kehidupan duniawi dan ukhrawi," sabda DYTM.

## Berangkat merasmikan peringkat akhir musabaqah





**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat merasmikan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi. Berangkat sama, paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik (atas kanan dan atas kiri).**

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BERAKAS**, Selasa, 22 April. - Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi pada malam pertama memperdengarkan bacaan daripada enam peserta iaitu tiga qari dan tiga qariah daripada 12 peserta akhir pada kali ini.



**ANTARA yang hadir pada majlis tersebut.**

Berangkat merasmikan majlis yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Juga berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan paduka adinda dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1446H / 2025M.



Turut menjunjung keberangkatan tiba, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1446H dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof juga selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1446H / 2025M.

**>> Muka 6**



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menyampaikan sembah alu-aluan pada musabaqah berkenaan (atas). Manakala gambar kiri, bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Yang Berhormat Ketua Hakim Syar'ie.**



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia berkenan berangkat ke Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi.**

**>> Muka 5**

Juga menjunjung keberangkatan tiba, Menteri Kesihatan selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar yang selaku Pengendali Bersama Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1446H / 2025M; Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof selaku Pengendali Bersama Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1446H / 2025M.

Sejurus keberangkatan tiba, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Ketua Hakim Syar'ie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah selanjutnya berkenan mengurniakan sabda perasmian.

Terdahulu, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dalam sembah alu-aluannya menyembahkan bahawa Musabaqah kali ke-67 tahun diadakan ini adalah bertemakan 'Akal Sihat Dengan Al-Quran' iaitu pada mendukung dan menyuntik kesedaran serta menjayakan usaha kita senegara dalam menangani gejala mental dengan pendekatan kerohanian di samping ilmu dan amalan praktikal aspek perubatan dan kesihatan.

Menurut sembah Yang Berhormat, dalam masa yang sama tema 'Akal Sihat Dengan Al-Quran' adalah juga bererti dengan mengamalkan gaya hidup sihat, yang dalam konteks Al-Quran ialah amalan membaca Al-Quran yang antaranya akan mententeramkan jiwa, hati sanubari daripada resah gelisah dan gundah-gulana, iaitu sebagaimana maksud dari firman Allah, dalam Surah Ar-Ra'd ayat 28 yang tafsirnya : *"Orang-orang yang beriman dan hati mereka menjadi tenteram dengan mengingat Allah. Ingatlah, hanya dengan mengingat Allah hati menjadi tenteram".*

Dalam hubungan musabaqah ini dan musabaqah-musabaqah membaca Al-Quran yang berterusan diadakan, sembah Yang Berhormat adalah sebagai merangsang suasana ayat-ayat Al-Quran dibacakan hampir setiap waktu dan ketika.

Namun dalam pada itu, sembah Yang Berhormat, kita perlu juga menyedari bahawa ke arah yang dimaksudkan untuk berakal sihat dengan Al-Quran melalui amalan gaya hidup yang sihat itu adalah tersedia melalui dasar pendidikan nasional kita.

"Sesungguhnya pendidikan formal yang meliputi pembelajaran ugama atau pengetahuan Islam (Islamic Knowledge), secara amali khasnya bersembah yang dan membaca Al-Quran di sekolah-sekolah itu, di samping ada yang mempelajarinya secara *non-formal* atas inisiatif persendirian atau keluarga dengan mendatangkan guru mengaji mengajar ke rumah-rumah, dan menghantar anak-cucu ke masjid-masjid pada sebelah pagi Jumaat, kesemuanya itu adalah dilihat sebagai usaha negara dan orang ramai untuk memungkinkan generasi demi generasi kita adalah generasi yang celik Al-Quran yang tentunya akan lebih baik dan sempurna lagi dengan berjinak-jinak untuk memahami ayat-ayat yang dibaca.

"InsyaaAllah semua itu akan membawa berkat iaitu berkat Al-Quran itu sendiri dan berkat membaca dan memahami kandungannya. Dengan itu adalah selaras dengan tujuan tema musabaqah 'Akal Sihat Dengan Al-Quran' melalui mengamalkan cara hidup sihat iaitu usaha bersifat dengan melazimkan membaca Al-Quran," sembah Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menyembahkan bahawa ungkapan kata tema musabaqah 'Akal Sihat Dengan Al-Quran' tidaklah semata-mata bermaksud untuk mengawasi dan mengatasi gejala mental akan semakin bertambah di kalangan kita lalu semakin ramai pesakitnya untuk dirawat secara kerohanian di samping secara ilmiah praktikal perubatan dan kesihatan.

Sebaliknya, sembah Yang Berhormat, kita menyediakan sarana untuk mengelakkannya dengan kita sendiri dan generasi seterusnya terdidik bersekolah formal dalam dasar pendidikan nasional, aliran persekolahan umum dan persekolahan ugama / Arab.

Dengan itu, sembah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, kita dan generasi kita seterusnya mempunyai persediaan untuk mengamalkan cara gaya hidup sihat secara kerohanian dengan pandai membaca Al-Quran, apatah lagi dengan memahami ayat-ayatnya.

"Maka sekali gus dengan pandai membaca Al-Quran dan melazimkan diri untuk membacanya adalah dalam usaha menjaga dan memastikan kita akan berakal sihat dengan mengamalkan gaya hidup sihat secara kerohanian melalui Al-Quran yang dimiliki dan dibaca dengan lazim," sembah Yang Berhormat lagi.

Majlis diteruskan dengan bacaan enam peserta yang didahului oleh Awang Haji Nasrul Fakhri bin Haji Yahya yang membacakan Surah Saba ayat 1-8 dengan lagu 'Soba' dan 'Sikah', diikuti bacaan Surah Saba ayat 7-13 daripada Dayangku Alma Hazirah binti Pengiran Haji Jofri dengan lagu 'Sikah' dan 'Rast'.

Manakala, Pengiran Md. Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki seterusnya memperdengarkan Surah Saba dari ayat 14-21 dengan membawakan lagu 'Soba' dan 'Rast'.

Peserta keempat, Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki selanjutnya mengetengahkan Surah Saba dari ayat 20-30 dengan lagu 'Soba' dan 'Jiharkah', diikuti bacaan daripada Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri menerusi Surah Saba ayat 29 hingga 36 dengan lagu 'Hijaz' dan 'Rast'.

Sementara peserta keenam, Dayangku Alya Syahirah binti Pengiran Haji Jofri kemudiannya memperdengarkan bacaannya menerusi Surah Saba dari ayat 36-45 dengan lagu 'Rast Jiharkah'.

Majlis juga turut diserikan dengan Persembahan Nasyid (Al-Quran Syafa'ah) lagu tema musabaqah oleh Kumpulan Amirul Huffaz dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446H / 2025M ini membawakan tema 'Akal Sihat Dengan Al-Quran' dan ia berlangsung selama tiga hari berturut-turut dan akan disambung lagi pada hari kedua, 23 April 2025.

Sementara itu, Majlis Pengumuman Keputusan bagi menentukan Johan Qari dan Qariah Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446H / 2025M akan diumumkan pada Khamis malam Jumaat, 24 April 2025 berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas nanti.

Musabaqah tahun ini dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Brunei Shell Marketing Company Sendirian Berhad.






**DARI kiri...Awang Haji Nasrul Fakhri bin Haji Yahya yang membacakan Surah Saba ayat 1-8 dengan lagu 'Soba' dan 'Sikah', bersama tafsiran ayat diikuti bacaan Surah Saba ayat 7-13 daripada Dayangku Alma Hazirah binti Pengiran Haji Jofri dengan lagu 'Sikah' dan 'Rast' bersama tafsiran ayat.**






**DARI kiri...Pengiran Md. Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki seterusnya memperdengarkan Surah Saba dari ayat 14-21 dengan membawakan lagu 'Soba' dan 'Rast', bersama tafsiran ayat diikuti Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki selanjutnya mengetengahkan Surah Saba dari ayat 20-30 dengan lagu 'Soba' dan 'Jiharkah' bersama tafsiran ayat.**






**DARI kiri...bacaan daripada Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri menerusi Surah Saba ayat 29 hingga 36 dengan lagu 'Hijaz' dan 'Rast', bersama tafsiran ayat dan peserta keenam, Dayangku Alya Syahirah binti Pengiran Haji Jofri kemudiannya memperdengarkan bacaannya menerusi Surah Saba dari ayat 36-45 dengan lagu 'Rast Jiharkah' bersama tafsiran ayat.**

# DPMM BERKENAN MENERIMA MENGADAP





**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Ketua-ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik dan Ketua Perwakilan Asing ke Negara Brunei Darussalam yang baharu (kiri sekali dan kiri).**

**Oleh: Nurhamiza Awang Haji Roslan**
**Foto: Mohamad Azmi Haji Awang Damit**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 22 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, pagi tadi berkenan menerima mengadap Ketua-ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik dan Ketua-ketua Perwakilan Asing ke Negara Brunei Darussalam yang baharu berlangsung di Qashr Al-Meezan.

Ketua-ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik dan Ketua-ketua Perwakilan Asing ke Negara Brunei Darussalam yang baharu tersebut ialah Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di New York, Amerika Syarikat, Puan Yang Terutama Pengiran Hairani binti Pengiran Haji Tajuddin; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Amman, Kerajaan Hasyimiah Jordan, Puan Yang Terutama Hajah Nor Huda binti Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Ahmad; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Sun Nahmkook; Pesuruhjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Naureen Ahsan; Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Datuk Mohd. Aini bin Atan; Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darusalam, Tuan Yang Terutama Janbaz Khan; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Kikuta Yutaka; Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Michael Neil Hoy; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kemboja ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Chey Ratha.

Pada 21 April 2025 di Istana Nurul Iman, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Surat-surat Watikah Pelantikan kepada Ketua-ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik, dan juga menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Ketua-ketua Perwakilan Asing yang baharu ke Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir pada Majlis Mengadap tersebut ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos; Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Awang Haji Muhammad Fakhri bin Haji Mohd. Taib; dan Timbalan Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri selaku Pemangku Grand Chamberlain, Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali.





**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan beramah mesra dan dijunjung bergambar ramai bersama Ketua-ketua Perwakilan Asing ke Negara Brunei Darussalam yang baharu (atas, atas kanan, kanan dan kanan sekali).**









**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan beramah mesra bersama Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Michael Neil Hoy (kiri sekali) manakala gambar kiri, Duli Yang Teramat Mulia berkenan bergambar bersama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kemboja ke NBD, Tuan Yang Terutama Chey Ratha.**

# PERBADANAN TAIB ADAKAN RUMAH TERBUKA

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hasif Matzin





YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II bersama dengan Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II ketika hadir dan bergambar ramai pada Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang dianjurkan oleh Kumpulan Syarikat Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (atas dan atas kiri) manakala gambar bawah kiri, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 22 April. - Kumpulan Syarikat Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Perbadanan TAIB) terdiri daripada Perbadanan TAIB, Insurans Islam TAIB Holdings Sendirian Berhad (IITHSB) dan Darussalam Holdings Sendirian Berhad (DHSB) telah mengadakan Sambutan Hari Raya Aidilfitri berkonsepkan Rumah Terbuka, hari ini.

Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung di Dewan Serambi Suluh, Bangunan Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan, di sini, mengalu-alukan lebih 1,500 tetamu dari pelbagai sektor.



Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB; Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Penasihat Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB; Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku Timbalan Pengerusi Perbadanan TAIB.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh Pengarah Urusan Perbadanan TAIB, Datin Hajah Hasnah binti Haji Ibrahim; Pengarah Urusan DHSB, Awang Haji Mahmud bin Haji Mohamed; dan Pemangku Pengarah Urusan IITHSB, Dayang Zamzaipa binti Haji Ismail yang antaranya mengalu-alukan kehadiran para tetamu.

Turut hadir, anggota Kor Diplomatik, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ahli lembaga pengarah Perbadanan TAIB dan anak syarikatnya, Ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah, pegawai kanan kerajaan dan swasta, syarikat berkaitan kerajaan, institusi kewangan, pegawai akademik, pertubuhan bukan kerajaan, para pelanggan, rakan kongsi, Perusahaan Kecil dan Sederhana.

Sambutan Hari Raya mencerminkan komitmen berterusan Kumpulan Syarikat Perbadanan TAIB dalam mengeratkan hubungan bersama pihak berkepentingan di samping memupuk semangat perpaduan, penghargaan dan kebersamaan.

Ia berfungsi sebagai platform dalam menyampaikan ucapan penghargaan kepada mereka yang telah menyokong dan menyumbang kepada kemajuan dan pencapaian berterusan kumpulan.

Kumpulan Syarikat Perbadanan TAIB merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang telah menyumbang kepada kejayaan acara tersebut dan mengharapkan kerjasama serta penglibatan yang berterusan pada tahun-tahun akan datang.

# Lawatan UNDP memperkukuh perkongsian strategik

Siaran Akhbar dan Foto : The United Nations Development Programme

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 22 April. - Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (The United Nations Development Programme - UNDP) sedang memperkukuhkan kerjasamanya dengan Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi menghasilkan pertumbuhan yang sedia masa depan, mampan dan inklusif.

Penolong Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan Pengarah Serantau UNDP bagi Asia dan Pasifik, Kanni Wignaraja tiba di NBD untuk perbincangan peringkat tertinggi bagi mengukuhkan perkongsian UNDP dengan NBD, selaras dengan Wawasan Brunei 2035 dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

NBD komited untuk meningkatkan kemahiran pasaran buruh dan meningkatkan kemakmuran dan wawasan kerajaan untuk mempelbagaikan peluang ekonomi menekankan pendidikan, tindakan belia serta inovasi untuk memastikan kemampanan jangka panjang dan daya saing global.

Keupayaan teknikal UNDP yang komprehensif serta pengalaman bertaraf antarabangsa selama beberapa dekad akan membolehkan NBD memperoleh akses kepada kepakaran teknikal terbaik dunia.

Ini akan menyokong usaha negara dalam memperkukuh dasar-dasar nasional, mereka bentuk program-program inovatif, serta menjalankan analisis yang lebih mendalam terhadap trend semasa dan akan datang yang perlu ditangani bagi merealisasikan aspirasi negara.

Dalam perjumpaan bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, perbincangan telah diadakan termasuk bagaimana perkongsian itu boleh diperdalam untuk memastikan NBD kekal di landasan untuk mencapai matlamatnya.

Mesyuarat itu menekankan kepentingan SDG dalam memacu transformasi ekonomi, pertumbuhan inklusif dan mengukuhkan kapasiti negara. Ia juga menyatakan kemajuan dalam menyokong keusahawanan belia di negara ini dan memajukan tindakan iklim melalui penyelesaian pembiayaan yang inovatif.

Kedudukan indeks pembangunan manusia NBD adalah antara yang tertinggi di ASEAN, kedua selepas Singapura. Tiga dekad yang lalu telah menyaksikan peningkatan yang ketara dalam pendidikan dan kesihatan. NBD mempunyai kadar celik huruf 99.9 peratus, enrolmen sekolah rendah 100 peratus, kadar imunisasi 98 peratus dan jangka hayat yang semakin meningkat yang kini mencapai 76.6 tahun.

Walau bagaimanapun, cabaran kekal dalam mengurangkan pergantungan ekonomi jangka panjang terhadap minyak dan gas semasa peralihan tenaga berlangsung, cara untuk mengukuhkan daya tahan iklim dan meningkatkan kesediaan masa depan tenaga kerja.

"Tindakan untuk mempelbagaikan ekonomi, strategi penyesuaian iklim dan program pembangunan kemahiran, akan memastikan pertumbuhan negara yang inklusif dan mampan," ujar Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

"Dengan bantuan UNDP, kami berhasrat untuk terus berada di landasan untuk mencapai objektif yang dinyatakan oleh kerajaan untuk memastikan Negara Brunei Darussalam kekal aman dan semua rakyatnya menikmati peningkatan berterusan dalam kesejahteraan," tambah Yang Berhormat lagi.

Kanni Wignaraja sekali lagi menegaskan kesediaan UNDP untuk bekerjasama dengan NBD dalam usaha mencapai Wawasan Brunei 2035, khususnya dalam menyokong kepelbagaian ekonomi, ketahanan terhadap perubahan iklim dan kesejahteraan sosial.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II ketika mengadakan perjumpaan bersama Penolong Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan Pengarah Serantau UNDP bagi Asia dan Pasifik, Kanni Wignaraja.

"UNDP komited untuk bekerjasama rapat dengan kerajaan dalam memajukan inovasi, melaksanakan tindakan ke arah kepelbagaian ekonomi jangka panjang, serta memastikan kemakmuran mampan untuk semua. Kerjasama yang lebih mendalam akan membantu Negara Brunei Darussalam dalam memperkukuh daya tahan jangka panjang di rantau yang semakin dinamik," jelasnya.

Lawatan ini turut merangkumi penglibatan bersama pihak berkepentingan di kalangan pihak kerajaan, belia dan sektor swasta bagi memupuk dialog mengenai keutamaan bersama serta meneroka bidang-bidang baharu untuk kerjasama strategik demi menyokong matlamat pembangunan NBD.

# BERKONGSI KEGEMBIRAAN AIDILFITRI, JALINAN PERPADUAN MASYARAKAT

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**




**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II ketika hadir selaku tetamu kehormat dan bergambar ramai pada Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung di Masjid Kampung Kilanas.**

**KILANAS,** Isnin, 21 April. - Syawal terus diimarahkan dengan sambutan Aidilfitri anjuran Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid Kampung Kilanas menerusi Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung di masjid berkenaan, hari ini.

Sambutan berkenaan sekali gus meraikan seramai 14 anak yatim serta jemaah masjid untuk sama-sama menikmati kemeriahan hari raya terutama sekali kepada anak-anak yatim.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof juga selaku Penaung I, AJKT Masjid Kampung Kilanas yang juga mengepalai bacaan Surah Al-Fatihah.

Ketua Imam masjid itu, Awang Mohd. Redzuan bin Haji Marzuki dalam ucapannya menyatakan dengan adanya aktiviti AJKT bersama jemaah masjid, anak-anak yatim bersama penjaga mereka serta penduduk Kampung Kilanas di Sambutan Hari Raya Aidilfitri ini diharap akan dapat mengeratkan jalinan setia kawan, silaturahim serta persaudaraan dan akhirnya dapat menjalinkan perhubungan persaudaraan yang cemerlang buat selama-lamanya.

Dalam masa yang sama katanya, kita sudah dapat bergerak menjayakan peranan masjid sebagai pusat mendidik belia dan beliawanis iaitu generasi muda dengan pembelajaran di dalam bacaan Al-Quran dan menjayakan aktiviti berkebajikan.

"Mudah-mudahan semua tujuan pendidikan awal bagi generasi muda mendapat sokongan dan dukungan daripada pihak-pihak yang boleh membantu demi untuk menjayakan pembinaan insan cemerlang," tambahnya lagi.

Bacaan ayat-ayat suci Al-Quran turut mengimarahkan sambutan yang dibacakan oleh salah seorang belia masjid serta tausyeh daripada belia dan beliawanis masjid berkenaan.

Adapun aktiviti tersebut diungkayahkan adalah untuk memberi peluang bagi AJKT Masjid Kampung Kilanas dan jemah-jemaahnya beramah mesra di hari yang mulia dan mubarak ini di samping menggembirakan anak-anak yatim bersama penjaga mereka.

Selain itu, ia juga diharap akan dapat memupuk dan menjalinkan hubungan baik persaudaraan beramah mesra dengan kenal dan mengenali di antara AJKT dengan semua jemaah Masjid Kampung Kilanas khasnya serta semua penduduk kampung amnya sekali gus memupuk amalan tolong-menolong sesama mereka.

Turut hadir, Penasihat-penasihat AJKT Masjid Kampung Kilanas, Ketua Kampung dan AJKT Masjid Kampung Kilanas, Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung Kilanas serta jemaah-jemaah masjid dari sekitar Kampung Kilanas.



PELITA BRUNEI

# DOA KESYUKURAN SEMPENA HARI BUMI 2025





Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pembangunan

**YANG Berhormat Menteri Pembangunan ketika hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Solat Fardu Asar Berjemaah diselajurkan dengan membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil serta Doa Kesyukuran bersempena Sambutan Hari Bumi bagi Tahun 2025 (kiri) manakala gambar bawah kiri, antara yang hadir pada majlis tersebut.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 22 April. - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), Kementerian Pembangunan telah mengadakan Majlis Solat Fardu Asar Berjemaah diselajurkan dengan membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil serta Doa Kesyukuran bersempena Sambutan Hari Bumi bagi Tahun 2025 di Masjid Ash-Shaliheen, Jalan Perdana Menteri, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Majlis dimulakan dengan menunaikan Solat Fardu Asar Berjemaah yang diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran dan diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil beramai-ramai yang dipimpin oleh Imam Masjid Ash-Shaliheen, Awang Mohammad Syariff Wafiuddin bin Jemain.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Kesyukuran oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) di Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak; Timbalan Setiausaha Tetap (Industri Pembinaan dan Kemajuan), Sr. Dayang Hajah Norhayati binti Haji Mohd. Yaakub; Timbalan Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Awang Haji Shaharuddin Khairul bin Haji Anuar, Ketua-ketua Jabatan, Divisyen, Unit serta pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Hari Bumi lazimnya disambut pada setiap 22 April, merupakan acara global yang didedikasikan untuk melindungi alam sekitar.

Tema pada tahun ini, 'Kuasa Kita, Planet Kita' (Our Power, Our Planet) telah menyeru satu tindakan untuk memanfaatkan sumber-sumber boleh diperbaharui (*renewable resources*) yang amat banyak di muka bumi ini dalam usaha menangani perubahan iklim dan memelihara ekosistem.




# Sambutan Hari Raya Aidilfitri terus meriah



**YANG Berhormat Menteri Pembangunan ketika hadir bagi sama-sama memeriahkan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang dianjurkan oleh Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA) Brunei yang diadakan di PUJA Hub, Universiti Teknologi Brunei (UTB).**

Siaran Akhbar dan Foto : Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek Brunei

**TUNGKU LINK**, Isnin, 21 April. - Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA) Brunei mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung di PUJA Hub, Universiti Teknologi Brunei (UTB), baru-baru ini.

Acara anjuran Bahagian Arkitek PUJA Brunei ini menghimpunkan ahli dan pemegang berkepentingan dari seluruh sektor pembinaan dan persekitaran binaan dalam meraikan rangkaian dan perpaduan.

Hadir bagi memeriahkan majlis ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Turut hadir, Presiden PUJA Brunei, Sr. Haji Awang Mohammad Hanafi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman; Naib Presiden PUJA Brunei, Ar. Haji Amiruddin bin Aziz dan pegawai-pegawai kanan dari jabatan kerajaan, institusi pendidikan dan profesional dari sektor awam dan swasta dalam industri pembinaan.

Selain meraikan Sambutan Hari Raya Aidilfitri, acara ini juga melambangkan usaha berterusan PUJA Brunei untuk membina jambatan (penghubung) merentasi pelbagai sektor yang diwakili.

Acara tersebut seterusnya menyerlahkan lagi usaha berterusan PUJA Brunei untuk menyokong pertumbuhan profesional, menggalakkan kerjasama industri, dan meraikan tradisi budaya dalam komuniti pembinaan dan persekitaran binaan Negara Brunei Darussalam.

# RAMAH MESRA HARI RAYA BERSAMA PELATIH PUSAT BAHAGIA





**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Ramah Mesra bersama pelatih-pelatih Pusat Bahagia (kiri sekali dan kiri).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat**



**SEKITAR majlis tersebut yang diadakan di Peak Club sekali gus bertujuan untuk mempereratkan hubungan sempena Hari Raya Aidilfitri.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 22 April. - Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama Peak Performance Sdn. Bhd. telah mengadakan Majlis Ramah Mesra bersama pelatih-pelatih Pusat Bahagia (PB) empat daerah sempena Hari Raya Aidilfitri 1446 Hijrah / 2025 Masihi bertempat di Peak Club.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Guru Agama PB Daerah Tutong, Awang Muhamad Tarif bin Haji Ali.

Majlis diserikan lagi dengan beberapa persembahan nyanyian dan tarian bertemakan hari raya daripada pelatih-pelatih PB empat daerah serta daripada ahli Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Kebangsaan NBD (BDNAB), Awang Mohammad Hakim Imanuddin bin Asarwih, bertajuk 'Raya Ria Pusat Bahagia' yang mana liriknya telah dicipta oleh pengajar PB Daerah Brunei dan Muara, Awang Muhammad Jamary bin Danggat, yang juga merupakan Orang Kelainan Upaya (OKU) penglihatan.

Majlis ramah mesra ini diadakan bertujuan untuk mengeratkan hubungan PB di keempat-empat daerah serta di antara para pegawai dan kakitangan kementerian, Peak BN dan rakan-rakan strategik KKBS bersama OKU.

Majlis juga sebagai wadah untuk menyemai budaya kunjung-mengunjungi semasa hari lebaran di samping memupuk semangat inklusif iaitu menggalakkan penyertaan OKU dalam sambutan masyarakat agar mereka tidak rasa terpinggir, mengetengahkan bakat, minat (*interest*) dan meningkatkan keyakinan diri pelatih-pelatih PB dalam seni persembahan.

Selain itu, meningkatkan kesedaran (*awareness*) masyarakat iaitu memberi pendedahan kepada orang ramai tentang keperluan, cabaran yang dihadapi oleh golongan OKU dan menyemai nilai kasih sayang, empati, menanamkan sikap prihatin serta memberikan kegembiraan dalam kalangan masyarakat terhadap OKU.

Turut hadir ialah Setiausaha-setiausaha Tetap, KKBS, Ketua-ketua Jabatan di bawah KKBS, Persatuan-persatuan di bawah MKOKU, rakan-rakan strategik dan Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat selaku Pengerusi Majlis.

# Sambutan Hari Raya eratkan silaturahim antara guru ugama

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pengajian Islam**



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 21 April. - Untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim yang sedia ada antara pegawai-pegawai Jabatan Pengajian Islam (JPI) dengan guru-guru ugama di Kawasan Brunei IV di samping memeriahkan lagi suasana Sambutan Hari Raya Aidilfitri, Jawatankuasa Pemimpin Sekolah-Sekolah Ugama Kawasan Brunei IV, JPI, Kementerian Hal Ehwal Ugama mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri bagi Guru-Guru Ugama Kawasan Brunei IV bertempat di Dewan Sekolah Menengah Awang Semaun, Kampung Sungai Kebun.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin juga selaku Penghulu Mukim Lumapas dan isteri.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Awang Murni bin Haji Ibrahim, diikuti dengan ucapan daripada Pegawai Pengajian Islam Daerah, Kawasan Brunei IV, Dayang Hajah Mu'izzah binti Kefli. Majlis ini turut diserikan dengan persembahan daripada guru-guru serta tayangan video.

Sehubungan itu, majlis yang serupa juga telah diadakan bagi Guru-guru Sekolah Ugama Kawasan Brunei I bertempat di Higher Hotel, Kiulap. Hadir pada majlis tersebut, Pemangku Pengarah (Profesional), JPI, Dayang Hajah Erni Yusnani binti Haji Md. Noor.





**YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri bagi Guru-Guru Ugama Kawasan Brunei IV bertempat di Dewan Sekolah Menengah Awang Semaun, Kampung Sungai Kebun. Majlis yang serupa juga diadakan di Higher Hotel, Kiulap (atas kiri, kiri sekali dan kiri).**

PELITA BRUNEI

# 'RAYA MENDONIA' MERIAHKAN SAMBUTAN HARI RAYA UTB





**SAMBUTAN Hari Raya Aidilfitri Universiti Teknologi Brunei (UTB) bertemakan 'Raya Mendonia' dihadiri oleh Pemangku Naib Canselor UTB, selaku tetamu kehormat dan menghimpunkan kakitangan, pelajar dan tetamu jemputan. (atas, kanan dan bawah kanan).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Teknologi Brunei**




**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 21 April. - Universiti Teknologi Brunei (UTB) menganjurkan sambutan Hari Raya Aidilfitri yang meriah, bertemakan 'Raya Mendonia' bertempat di Dewan Serbaguna, UTB.

Perayaan berkenaan telah menghimpunkan kakitangan, pelajar dan tetamu jemputan dalam suasana perpaduan dan penghargaan terhadap kepelbagaian budaya.

Majlis berkenaan telah dihadiri oleh tetamu kehormat majlis, Pemangku Naib Canselor UTB, Dr. Mohamad Saiful bin Haji Omar.

UTB juga berbesar hati untuk mengalu-alukan tetamu-tetamu kehormat dari Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Negara Brunei Darussalam (NBD), iaitu Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Hazri bin Haji Kefli; Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal; Penolong Naib Canselor (Global Engagement), UBD, Dr. Teo Siew Yean; Penolong Naib Canselor (Pendidikan), UBD, Profesor Madya Pengiran Dr. Mohamad Iskandar bin Pengiran Haji Petra; Pemangku Timbalan Rektor (Dasar & Korporat), UNISSA, Dr. Haji Arman bin Haji Asmad; Penolong Rektor (Penyelidikan, Antarabangsa dan Perkhidmatan), UNISSA, Dr. Awang Haji Hambali bin Haji Awang Jaili; dan Penolong Pengarah (Korporat, Perancangan dan Pembangunan), Politeknik Brunei, Dayang Arbaniah binti Haji Sablee.

Turut hadir, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik) UTB, Dr. Hajah Ena Kartina binti Haji Abd. Rahman; Penolong Naib Canselor UTB (Penyelidikan dan Inovasi), UTB, Profesor Dr. Mohamed Hasnain Isa; dan Penolong Naib Canselor UTB (Pelajar, Alumni dan Perkhidmatan), Dr. Au Thien Wan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Ketua Unit Keugamaan, UTB, Awang Md. Fazalley bin Haji Hidup.

Selepas acara perasmian, para tetamu dihiburkan dengan pelbagai persembahan kebudayaan yang menarik termasuk persembahan tradisional Gulintangan dan tayangan video khas Hari Raya bertajuk 'UTB Raya 2025'.

Turut menyerikan acara adalah persembahan daripada kakitangan dan pelajar UTB. Sambutan diakhiri dengan penyampaian anugerah Pakaian Terbaik.

Sambutan Hari Raya UTB bukan sahaja mencerminkan kemeriahan Hari Raya tetapi juga memperlihatkan semangat perpaduan dan kerjasama dalam kalangan masyarakat pengajian tinggi di NBD.

Pihak universiti merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang menyumbang dalam menjayakan 'Raya Mendonia' sebagai satu acara yang bermakna dan penuh kenangan.






# PENYERAHAN PROJEK TITIAN AMAL ABDB

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan**

**MUKIM LABI**, Isnin, 21 April. - Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah mengadakan Majlis Penyerahan Projek Titian Amal sempena Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-63.

Majlis berkenaan berlangsung di kediaman Lans Koperal (B) Japar bin Duraman di Kampung Gatas, Mukim Labi, Daerah Belait.

Majlis Penyerahan Projek Titian Amal berkenaan disempurnakan oleh Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan selaku tetamu kehormat.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, yang juga selaku Penghulu Mukim Bukit Sawat; Pemangku Pegawai Daerah Belait, Pemangku Pemerintah Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), Timbalan-timbalan Pemerintah Angkatan Tentera dan Pengarah-pengarah Tentera dan Awam di Kementerian Pertahanan, pegawai-pegawai kanan ABDB, Pemangku Ketua Kampung Labi 1 dan Ahli-ahli Persatuan Veteran ABDB.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Tazkirah yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar, diikuti dengan penyampaian perkembangan projek terkini daripada Kapten Haji Norbahrin bin Haji Muamad, Tentera Laut Diraja Brunei, selaku Pengerusi Aktiviti Kemasyarakatan sempena Hari Ulang Tahun ABDB yang Ke-63.

Pemerintah ABDB kemudiannya menyampaikan plak cenderamata dan sumbangan daripada Tabung Kebajikan ABDB kepada Lans Koperal (B) Japar sebagai simbolik kepada kejayaan perlaksanaan projek berkenaan.

Majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Projek Titian Amal adalah merupakan salah satu inisiatif tahunan bersempena Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB yang bertujuan untuk memperkukuh jalinan kerjasama antara ABDB dan masyarakat.

Selain itu, ia juga berperanan dalam usaha kepada pembangunan kapasiti nasional, memupuk rasa ihsan dan semangat kesukarelawanan, dalam masa yang sama, memupuk silaturahim antara warga ABDB, agensi-agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan komuniti setempat melalui kerja-kerja amal dan kebajikan.





**PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut (atas) manakala gambar bawah dan kiri, sekitar penyerahan Projek Titian Amal ABDB.**





# MINDA PEMBACA

## Pembayaran dalam talian : selamat atau bahaya?

**DALAM** era digital ekonomi sekarang, sistem pembayaran dalam talian telah menjadi komponen penting dalam transaksi kewangan. Sistem ini merujuk kepada pemindahan dana secara elektronik melalui internet, yang memudahkan transaksi bagi pembelian barangan dan perkhidmatan secara dalam talian atau luar talian, sama ada melalui kad kredit dan debit, pemindahan bank atau dompet digital. Pandemik COVID-19 bertindak sebagai pemangkin penggunaan sistem ini, apabila penutupan premis kedai fizikal dan perlaksanaan dasar penjarakan sosial memaksa peniaga untuk beralih kepada transaksi digital.

Di era pasca-pandemik, sistem pembayaran dalam talian terus berkembang, terutamanya di negara-negara maju. Daripada perspektif pengguna, ia menawarkan kemudahan dengan menghapuskan keperluan mengeluarkan wang tunai dari mesin ATM dan membawa wang fizikal. Bagi peniaga, sistem ini meningkatkan kecekapan dan keselamatan dalam mengurus transaksi jual beli. Namun, adakah pembayaran dalam talian benar-benar selamat?

Bagi menangani risiko keselamatan, kebanyakan platform pembayaran dalam talian kini menggunakan langkah pelindungan canggih, termasuk pengesahan dua faktor (2FA), teknologi *blockchain* dan Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence) bagi mengesan penipuan. Namun, ancaman siber seperti penipuan dalam talian dan serangan *phishing* masih wujud dan berleluasa. Penipu kewangan menggunakan pelbagai taktik termasuk menggunakan laman sesawang *e-Commerce* palsu, dan memperdaya mangsa secara psikologi, seperti menyamar sebagai institusi kewangan atau sebagai ahli keluarga terdekat yang memerlukan bantuan kewangan.

Meskipun platform pembayaran dalam talian memainkan peranan penting dalam meningkatkan langkah-langkah keselamatan bagi menangani ancaman siber yang semakin berkembang namun pengguna hendaklah juga sentiasa melindungi dan peka terhadap maklumat kewangan mereka. Langkah berjaga-jaga yang boleh diambil termasuklah mengelakkan perkongsian maklumat perbankan, menggunakan kata laluan (*password*) yang kukuh, dan mengelakkan daripada membuat transaksi di laman sesawang *e-Commerce* yang mencurigakan atau dengan individu yang diragui.

Benar, teknologi akan terus berkembang untuk memperkukuhkan keselamatan kewangan namun kewaspadaan dan kesedaran individu tetap menjadi faktor utama dalam memastikan pembayaran dalam talian kekal selamat dan boleh dipercayai.

**Nama : Dr. Muhammad Azmi bin Sait**
**No. K/P : 01-079XXX**

## Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Bijak Memanfaatkan Media Sosial.'** Tarikh Tutup : **23 April 2025**
2. **'Menjamin Kesihatan, Kesejahteraan Ibu & Anak.'** Tarikh Tutup : **30 April 2025**
3. **'Persiapan Menghadapi Krisis Ekonomi Global.'** Tarikh Tutup : **7 Mei 2025**

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel : *pelita.brunei@information.gov.bn***

**Menangi BND75 SETIAP MINGGU**

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

# MALAM KEBUDAYAAN TONJOL KEUNIKAN PUAK MURUT



SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras) ketika hadir selaku tetamu kehormat pada Malam Kebudayaan Puak Murut.

Berita dan Foto : Ihsan Persatuan Lun Bawang Murut Brunei

**TEMBURONG**, Isnin, 21 April. - Persatuan Lun Bawang Murut Brunei (PLBMB) baru-baru ini mengadakan acara Malam Kebudayaan Puak Murut bagi tahun 2024/2025 bertempat di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin.

Yang Dipertua PLBMB, Leftenan Kolonel (B) Awang Tamin bin Tuah dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan acara Malam Kebudayaan berkenaan adalah kesinambungan daripada acara Irau Tupeh Padey (ITP) tahun lepas, dan 10 kejohanan sukan telah dipertandingkan bermula dari September hingga Disember 2024 dengan melibatkan peserta seramai 1,421 orang.

Menurutnya lagi, Malam Kebudayaan Puak Murut merupakan acara kemuncak ITP 2024 dengan peserta yang mengambil bahagian seramai 107 orang yang terdiri dari Negara Brunei Darussalam, Sabah dan Sarawak.

Leftenan Kolonel (B) Awang Tamin seterusnya berkata, objektif utama ITP adalah untuk mengeratkan silaturahim dalam kalangan Puak Murut yang sudah sedia ada dengan lebih erat, bukan sahaja dalam kalangan Puak Murut tetapi ia juga untuk memantapkan perpaduan dan salam perkenalan dengan lebih dekat dengan masyarakat Lun Bawang, masyarakat Lun Dayeh dan masyarakat Tagel Okolod di Kepulauan Borneo kerana mempunyai persamaan adat resam, tradisi, budaya, bahasa dan lain-lain.

Acara berkenaan julung-julung kalinya diadakan dalam suasana yang sangat meriah dengan sambutan yang positif daripada peserta dari luar negara. Malam Kebudayaan Puak Murut turut diserikan lagi dengan pelbagai persembahan kebudayaan daripada para peserta PLBMB, Persatuan Kebudayaan Lun Dayeh Sabah, Lun Bawang Sarawak dan Persatuan Tagel Okolod Sarawak.

Turut hadir, Ketua Puak Murut, Awang Ibrahim bin Timbang; Timbalan Yang Dipertua PLBMB, Dayang Mariam binti Ulat; Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hasan Baha bin Haji Umar; Pengarah Kebudayaan dan Kesenian, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Haji Awang Mohd. Abdoh bin Haji Awang Damit; Pegawai Kanan Pelancongan, Dayang Emmilia Watikah binti Abdullah Jemming; Presiden Lun Dayeh Sabah, Datuk Pengiran Lalung; Presiden Lun Bawang Sarawak, Jerry Siran Langan; Penasihat Persatuan Kebudayaan Lun Dayeh Sabah, Rickey Ganang; dan Pengerusi Persatuan Tagel Okolod, Musa Angau.



SEKITAR acara Malam Kebudayaan Puak Murut yang julung kali diadakan dalam suasana yang meriah dan positif.




منوجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كلوأن ڤوسة دعوه اسلاميه

# Zakat, keberkatannya

**MENUNAIKAN** zakat adalah salah satu kewajipan seorang Muslim yang cukup syarat. Zakat juga merupakan tunggak ekonomi sosial umat Islam kerana pengagihannya adalah mengikut peraturan atau perintah Allah yang ditetapkan dalam Al-Quran dan As-Sunnah.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Baqarah ayat 43, yang terjemahannya :

*"Dan dirikanlah sembahyang dan bayarlah zakat serta rukuklah bersama orang-orang yang rukuk."*

Sesungguhnya harta yang kita miliki bukanlah hak mutlak kita. Ia adalah amanah pinjaman yang bersifat sementara. Allah Subhanahu Wata'ala berkuasa memberi dan mengambil semula harta yang dimiliki melalui pelbagai cara tanpa diduga, umpamanya hilang, rosak, lesap, terbakar mahupun dicuri orang. Justeru itu, sewajarnya kita berwaspada dalam membelanjakan harta dan menjaga amanah Allah kerana setiap sumber harta yang kita miliki akan dipersoalkan bagaimana ia diperoleh dan ia dibelanjakan.

Berzakat mengandungi banyak hikmat. Antaranya dapat meningkatkan nilai kehidupan. Ia dapat membersih dan menyuburkan harta yang tinggal. Zakat yang dikeluarkan juga dapat membantu pihak yang memerlukan di samping dapat merapatkan jurang sosial dalam kalangan anggota masyarakat. Dari sini jelas wujudnya keberkatan dalam berzakat.

Keberkatan berzakat dapat dilihat dalam beberapa aspek kehidupan. Antaranya ialah dalam amalan dan ibadat yang dilakukan. Kita akan merasakan sesuatu yang damai, tenteram serta bersemangat untuk melakukan amal ibadat tersebut sehingga ingin mengulanginya lagi tanpa jemu. Berzakat juga dapat menghindari daripada segala sifat keji dan tercela seperti riak, ujub dan takabbur.

Berkat juga jelas kelihatan pada rezeki atau makanan yang diperoleh. Walaupun sedikit namun ia mencukupi untuk menyara diri dan keluarga. Semua ini, sudah tentu akan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan memperoleh keredaan-Nya. Inilah kebahagiaan hakiki yang patut dicari oleh seseorang hamba Allah.

Keberkatannya juga kelihatan pada usia manusia. Jika usia kita diberkati, Allah akan mendorong kita untuk memanfaatkan usia dalam perjuangan menegakkan syiar Islam. Walaupun usia tidak panjang, namun jasa yang dicurahkan dalam perjuangan adalah besar dan mampu memenuhi matlamat hidup sebenar iaitu untuk beribadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Selain itu, keberkatan juga dapat dilihat dalam beberapa aspek perniagaan. Perniagaan akan memperoleh keuntungan melalui cara yang baik dan tidak menipu serta bersumberkan dari modal yang halal dan menggunakan keuntungan tersebut dalam membantu masyarakat yang memerlukan.

Umat Islam yang menunaikan zakat menunjukkan yang mereka sebenarnya bersyukur atas nikmat yang Allah anugerahkan. Dengan sebab itulah harta yang diperoleh, mereka belanjakan pada jalan Allah Subhanahu Wata'ala, bukan pada jalan maksiat.

Carilah keberkatan sama ada dalam jurusan pekerjaan, perniagaan atau apa jua yang kita usahakan. Semoga setiap amal yang kita lakukan mendapat berkat dari Allah Subhanahu Wata'ala dan akan memperoleh limpahan rezeki yang tidak putus-putus. Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-A'raaf ayat 96, yang terjemahannya :

*"Dan kalaulah penduduk sesebuah negeri itu beriman dan bertakwa tentulah Kami akan melimpahkan kepada mereka berkat dari langit dan bumi tetapi mereka mendustakan (rasul-rasul Kami) lalu Kami menimpakan mereka (dengan azab) disebabkan apa yang mereka telah usahakan."*

# TANGANI ANCAMAN KESIHATAN PELBAGAI DIMENSI

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 22 April. - Seramai 50 peserta termasuk pegawai-pegawai kanan dari sektor kesihatan manusia, kesihatan haiwan dan alam sekitar serta pakar-pakar One Health dari Bhutan, Thailand, Republik Demokratik Rakyat Lao, Malaysia dan Republik Filipina menghadiri Bengkel Perpaduan Kebangsaan International Health Regulations (IHR) Performance of Veterinary Services yang berlangsung di Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), hari ini.

Bengkel anjuran Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) diadakan selama tiga hari bermula hari ini hingga 24 Februari 2025.

Aturcara program tersebut dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Dr. Dayang Hajah Rafidah binti Haji Gharif antara lain menjelaskan di Negara Brunei Darussalam (NBD), Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah-langkah konkrit untuk merealisasikan konsep One Health ke dalam tindakan yang nyata.

"Kami komited sepenuhnya untuk melaksanakan Quadripartite One Health Joint Plan of Action, menyelaraskan dasar negara kami dengan rangka kerja global ini. Di peringkat serantau, kami telah menerima pakai Deklarasi Pemimpin ASEAN mengenai Inisiatif One Health, yang mengiktiraf keperluan kritikal untuk pendekatan pelbagai sektor untuk menangani ancaman keselamatan kesihatan yang semakin meningkat," jelasnya.

Tambahnya lagi, komitmen ini mencerminkan keazaman pihak kementerian untuk membina sistem keselamatan kesihatan bersepadu yang melindungi kesihatan manusia, haiwan dan alam sekitar - bukan sahaja dalam teori, tetapi melalui tindakan yang boleh diukur dan di lapangan.

"Kita mesti menoktahkan pemisah tradisional antara sektor kesihatan manusia, kesihatan haiwan dan alam sekitar, serta menggantikannya dengan sistem bersepadu berteraskan kerjasama erat dan perkongsian maklumat yang menyeluruh," ujarnya lagi.

Kemudian, bengkel diteruskan dengan ucapan daripada Timbalan Setiausaha Tetap di KSSUP, Dayang Noralinda binti Haji Ibrahim.

Bengkel ini dilaksanakan dengan kerjasama Kumpulan Kuadripartit Asia-Pasifik yang terdiri daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (WOAH), Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) dan Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNEP).

Ia menghimpunkan pihak-pihak berkepentingan utama negara serta pakar antarabangsa bagi memperkukuhkan rangka kerja keselamatan kesihatan negara melalui kerjasama pelbagai sektor yang lebih berdaya tahan.

Inisiatif ini menunjukkan komitmen NBD dalam melaksanakan Pelan Tindakan Bersama One Health Quadripartite dan Pengisytiharan Pemimpin ASEAN mengenai Inisiatif One Health yang telah digunakan pada tahun 2023.

Kedua-dua rangka kerja ini menekankan kepentingan pendekatan bersepadu dalam menangani cabaran keselamatan kesihatan yang kompleks, khususnya berkaitan penyakit zoonotik yang berpotensi menjadi pandemik.

Sepanjang tiga hari bengkel ini, para peserta akan merancang cara yang praktikal dan mudah dilaksanakan bagi melaksanakan rangka kerja International Health Regulation (IHR) dan PVS di negara ini.

Melalui perbincangan yang mendalam, mereka akan mengenal



**PEMANGKU Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Dr. Dayang Hajah Rafidah binti Haji Gharif semasa hadir dan seterusnya berucap pada Bengkel Perpaduan Kebangsaan International Health Regulations (IHR) Performance of Veterinary Services (kiri dan atas).**

pasti peranan setiap sektor dengan lebih jelas, menentukan bidang yang perlu diberi keutamaan, dan menetapkan matlamat yang boleh diukur untuk meningkatkan keselamatan kesihatan negara.

Kementerian Kesihatan mengiktiraf sumbangan teknikal yang bernilai daripada rakan-rakan Quadripartite Asia-Pasifik, serta sokongan berterusan daripada Global Affairs Canada melalui Program Mitigasi Ancaman Biologi ASEAN (ASEAN MBT).

Bengkel berkenaan juga merupakan satu pencapaian penting dalam memajukan inisiatif One Health NBD, satu pendekatan transformatif dalam menangani ancaman kesihatan pelbagai dimensi yang berada di persimpangan kritikal antara kesihatan manusia, haiwan, tumbuhan dan alam sekitar.

Melalui pengukuhan rangka kerja kerjasama pelbagai sektor, negara ini mengambil langkah yang tegas dalam menangani cabaran yang rumit seperti penyakit zoonotik, kerintangan antimikrob dan keselamatan makanan.

Hasil daripada bengkel ini akan membentuk asas kukuh bagi sistem keselamatan kesihatan negara yang lebih bersepadu dan proaktif, memastikan NBD terus berada di barisan hadapan dalam pelaksanaan One Health dan kesiapsiagaan terhadap ancaman kesihatan pada masa kini.

# MBDT anjur Majlis Ramah Mesra Aidilfitri

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Alishahrin Haji Mumin



**TUTONG,** Isnin, 21 April. - Majlis Belia Daerah Tutong (MBDT) mengadakan Majlis Ramah Mesra Aidilfitri bersempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Tutong, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Terdahulu dalam ucapan Naib Yang Dipertua (NYDP) MBDT, Awang Ahanapi bin Haji Mahadi menjelaskan bahawa majlis ini merupakan salah satu daripada rancangan tahunan MBDT bagi memeriahkan suasana Aidilfitri di samping usaha untuk mengeratkan jalinan silaturahim dan kerjasama dalam kalangan persatuan gabungan.

"Kita amat bersyukur bahawa peranan MBDT masih terus bertahan dan komited dalam meneruskan keperluan serta misi dan visinya bersama dengan persatuan-persatuan gabungannya.

"InsyaaAllah usaha kita seterusnya ialah untuk memperkukuhkan lagi kerja berpasukan MBDT dan persatuan gabungan dalam membina kekuatan bersama," jelasnya lagi.

Majlis Ramah Mesra Aidilfitri tersebut juga diselajurkan dengan penyampaian sumbangan derma kepada Tabung Kebajikan Anak-Anak Yatim Daerah Tutong yang diserahkan oleh NYDP MBDT kepada tetamu kehormat majlis.



**SEKITAR Majlis Ramah Mesra Aidilfitri bersempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi anjuran Majlis Belia Daerah Tutong yang dihadiri oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong selaku tetamu kehormat Majlis (atas, kiri dan bawah kiri).**





# دعاء مموهن كفد الله سفاي ترسلامة درڤد بلاء دان سکل جنيس ڤڽاکيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ، وَٱلصَّلَاةُ وَٱلسَّلَامُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ أَجْمَعِينَ.

لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنْتَ سُبْحَٰنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ ٱلظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ ٱللَّهِ ٱلتَّآمَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ شَيْءٌ فِي ٱلْأَرْضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِٱللَّهِ.

بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ خَيْرِ ٱلْأَسْمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْأَرْضِ وَٱلسَّمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ دَآءٌ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱفْتَتَحْنَا وَبِٱللَّهِ ٱخْتَتَمْنَا وَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي ٱلْعِزَّةِ وَٱلْجَبَرُوتِ. وَٱعْتَصَمْنَا بِرَبِّ ٱلْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى ٱلْحَيِّ ٱلَّذِي لَا يَمُوتُ.

ٱللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُبِكَ مِنَ ٱلْبَرَصِ، وَٱلْجُنُونِ، وَٱلْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ ٱلْأَسْقَامِ.

ٱللَّهُمَّ ٱصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وِبِلَادِنَا وَجَمِيعِ ٱلْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ ٱلْبَلَآءَ وَٱلْوَبَآءَ وَٱلطَّعْنَ وَٱلطَّاعُونَ وَسَائِرَ ٱلْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ ٱلرَّدَىٰ بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى ٱللَّهُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ وَسَلَّمَ، وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

Ihsan : Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## اية الكرسى

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَىُّ ٱلْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُۥ
سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا
فِى ٱلْأَرْضِ ۗ مَن ذَا ٱلَّذِى يَشْفَعُ عِندَهُۥٓ
إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۖ
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَىْءٍ مِّنْ عِلْمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَ ۚ
وَسِعَ كُرْسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ ۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ
حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

**Peringatan :**
Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

## (صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًّا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقَدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ الْكُرَبُ، وَتُقْضَى بِهِ
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى
الْغَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ
وَنَفَسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

**Maksudnya :**
Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhuraillah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

**Penerangannya :**
Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

## سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارُ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ،
وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي،
فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

**Maksudnya :**
*"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".*

**Fadilatnya :**
Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذکر بچاءن يڠ ممباوا کبراونتوڠن ساڠت بسر
## کڤد ڤڠعملڽ ( تولق بلاء )

**(1)**

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

**(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

**(2)**

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمْ

**(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).**

**Penerangan :**
Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

**(3)**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

**(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).**

**Penerangan :**
Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

**(4)**

وَأُفَوِّضُ أَمْرِيْ إِلَى اللَّهِ

**(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

**(5)**

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ

**(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).**

**Penerangan :**
Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

# Adakah Melintas Dikira Bermalam Di Muzdalifah?




**(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)**

**MUZDALIFAH** ialah sebuah kawasan yang terletak di antara 'Arafah dan Mina. Keseluruhan Muzdalifah adalah temasuk dari Tanah Haram. Imam ar-Ramli *Rahimahullah* dalam kitabnya Nihayah al-Muhtaj menyebut bahawa nama Muzdalifah berasal daripada perkataan Arab "الْإِزْدِلَافُ" yang bererti dekat kerana dekatnya para jemaah haji dengan Mina ketika berada di Muzdalifah selepas bergerak dari 'Arafah. Muzdalifah juga disebut "الْجَمْعُ" yang bererti perhimpunan kerana orang ramai berkumpul di sana.

Jemaah haji berkumpul di Muzdalifah untuk melaksanakan *mabit* (bermalam) di Muzdalifah sebelum menuju Mina. Lazimnya, jemaah haji mula bergerak daripada 'Arafah menuju Muzdalifah dengan berjalan kaki atau menaiki kenderaan seperti kereta dan bas. Semasa berada di Muzdalifah, sesetengah jemaah haji tidak turun daripada kenderaan yang mereka naiki dan hanya melintasi Muzdalifah. Situasi seperti ini berlaku antaranya disebabkan kesesakan lalu lintas di persekitaran yang padat dengan kehadiran jemaah haji daripada seluruh dunia. Sesetengah jemaah haji pula bersegera ke Mina untuk menepati waktu melontar jamrah yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi. Maka timbul persoalan, adakah melintasi Muzdalifah dengan hanya berada dalam kenderaan dikira telah melaksanakan tuntutan bermalam di Muzdalifah? Maka Irsyad Hukum pada kali ini akan menjelaskan mengenai perkara tersebut.

Bermalam di Muzdalifah adalah salah satu perkara wajib haji. Orang yang menunaikan ibadah haji wajib bermalam di Muzdalifah selepas meninggalkan 'Arafah sebagai *ittiba'* (mengikut perbuatan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*).

Jika orang yang mengerjakan haji itu meninggalkan tuntutan bermalam di Muzdalifah bukan kerana keuzuran, maka wajib ke atasnya dam iaitu menyembelih seekor kambing kerana meninggalkan bermalam di Muzdalifah. Jika dia tidak mampu, maka wajib ke atasnya berpuasa sepuluh hari iaitu tiga hari semasa dalam haji dan tujuh hari setelah pulang ke tanah air.

Manakala orang yang meninggalkan bermalam di Muzdalifah disebabkan keuzuran seperti sesiapa yang tiba di 'Arafah pada waktu malam (10 Zulhijjah) dan sibuk mengerjakan wuquf pada waktu tersebut atau sesiapa yang bertolak daripada 'Arafah ke Makkah untuk mengerjakan thawaf Ifadhah lalu terlepas untuk bermalam di Muzdalifah tidak diwajibkan dam ke atasnya.

Bermalam di Muzdalifah dikira terlaksana apabila jemaah haji berada di mana-mana kawasan yang termasuk dalam batasan Muzdalifah pada bila-bila waktu dari tengah malam 10 Zulhijjah sehingga terbit fajar.

Menurut para ulama bermalam di Muzdalifah memadai dengan berada di Muzdalifah walaupun seketika waktu dan memadai dengan hanya melintasi kawasan Muzdalifah tanpa berhenti. Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitab Tuhfah al-Muhtaj menyebut :

**Ertinya** : *Dan terlaksana (bermalam di Muzdalifah) dengan (berada) seketika dari separuh kedua (malam 10 Zulhijjah), walaupun dengan cara melintas.*

Al-Khathib asy-Syarbini *Rahimahullah* menjelaskan bahawa memadai melintasi Muzdalifah walaupun tidak berhenti sebagaimana dalam kitab Mughni al-Muhtaj, beliau menyebut :

**Ertinya** : *Maka memadai dengan melintasinya (Muzdalifah) sekalipun tidak berhenti.*

Oleh yang demikian, memadai bagi orang yang mengerjakan haji berada di Muzdalifah walaupun seketika dan memadai juga dengan hanya melintasi Muzdalifah. Ini bererti orang yang melintasi Muzdalifah dan tidak turun daripada kenderaan tidak dikenakan dam kerana dia tidak dikira meninggalkan bermalam di Muzdalifah. Namun perlu diingat bahawa waktu yang disyari'atkan bagi bermalam di Muzdalifah adalah bermula dari tengah malam 10 Zulhijjah hingga terbit fajar. Jika kenderaan yang dinaiki itu melintasi Muzdalifah di luar waktu berkenaan, maka dia dikenakan dam.

Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitab Minhaj ath-Thalibin wa 'Umdah al-Muftin menyebut :

**Ertinya** : *Dan sesiapa yang berangkat daripadanya (Muzdalifah) selepas separuh malam atau (berangkat) sebelumnya (separuh malam) tetapi dia kembali (ke Muzdalifah) sebelum terbit fajar, maka tidak ada apa-apa ke atasnya. Dan sesiapa yang tidak berada padanya (Muzdalifah) pada separuh kedua malam, maka dia wajib menumpahkan darah (membayar dam dengan menyembelih kambing).*

Maksud "tidak ada apa-apa" di atas adalah tidak dikenakan dam.

Separuh malam itu dapat diketahui dengan mengetahui waktu terbenam matahari dan terbit fajar. Sebagai contoh, waktu terbenam matahari (Maghrib) adalah pada jam 6:30 petang dan waktu terbit fajar (Subuh) adalah pada jam 5 pagi. Separuh malam pada hari tersebut adalah pada jam 11:45 malam. Ini bererti separuh kedua malam ialah selepas jam 11:45 malam. Jika seseorang hanya melintasi Muzdalifah pada jam 11:30 malam, maka dia tidak dikira bermalam di Muzdalifah kerana dia berada di Muzdalifah sebelum separuh kedua malam melainkan dia kembali semula ke Muzdalifah dan sampai di mana-mana kawasan dalam batasan Muzdalifah sebelum terbit fajar. Adapun jika seseorang melintasi Muzdalifah pada jam 11:46 malam, maka dia dikira telah bermalam di Muzdalifah kerana dia berada di Muzdalifah pada separuh waktu yang disyari'atkan iaitu separuh kedua atau separuh terakhir malam.

Demikian penjelasan mengenai dengan melintas di Muzdalifah pada separuh kedua malam 10 Zulhijjah.

# Suntik semangat patriotisme, perpaduan ASEAN

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**GADONG**, Isnin, 21 April. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, melalui Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCI meneruskan lagi Jerayawara Kenali ASEAN untuk membarigakan serta memberikan pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada para pelajar sekolah menengah di negara ini, dengan berkunjung ke Sekolah Menengah Rimba (SMR).

Seramai 149 pelajar Tahun 7 menghadiri jerayawara berkenaan di Dewan Kolaboratif SMR.

Turut hadir, Pengetua SMR, Awang Abdul Halim bin Haji Bujang; dan para tenaga pengajar sekolah berkenaan.

Pada jerayawara tersebut, Taklimat Kenali ASEAN disampaikan oleh Ketua Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail.

Taklimat antara lain bertujuan untuk menanamkan kesedaran dalam kalangan para pelajar sekolah sebagai sebahagian daripada masyarakat ASEAN, selaras dengan moto ASEAN : Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti (One Vision, One Identity, One Community).

Para pelajar juga berkesempatan mengikuti sesi Kuiz Kenali ASEAN. Penyampaian hadiah kepada para pemenang telah disempurnakan oleh pengetua sekolah berkenaan.

Dalam hasrat untuk membarigakan mengenai ASEAN, jerayawara berkenaan juga merupakan usaha berterusan untuk menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan pelajar bagi menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan.

Pada masa yang sama, ia juga dapat mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya para pelajar yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya memainkan peranan penting dalam memangkin hala tuju negara satu masa nanti.







**SEKITAR Jerayawara Kenali ASEAN yang diadakan di Sekolah Menengah Rimba (atas kanan, kanan dan kiri).**

# BARIGAKAN DASAR KERAJAAN, TERIMA MAKLUM BALAS MASYARAKAT





**SEKITAR Program Sua Muka anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Temburong bersama penduduk Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rataie, Mukim Bokok (atas dan kanan).**

**Oleh: Muhamad Khairul Hisyam Jaya**
**Foto: Azmah Haji Ahad**



**TEMBURONG**, Selasa, 22 April. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Temburong telah menganjurkan Program Sua Muka bersama penduduk Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rataie, Mukim Bokok, di Dewan Kemasyarakatan kampung berkenaan.

Rombongan Jabatan Penerangan diketuai oleh Pegawai Penerangan Kanan, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar, selaku Ketua Bahagian Cawangan Daerah.

Turut hadir ialah Ketua Kampung RPN Kampung Rataie, Abdul Aziz bin Haji Mohd. Yusoff, dan Pemangku Penghulu Zon 2, Awang Haji Suhaili bin Haji Badas.

**PROGRAM turut diselitkan dengan sesi dialog antara penduduk kampung dan wakil agensi terlibat yang membincangkan pelbagai isu seperti kemudahan awam, alam sekitar, sistem perparitan serta aspek kebajikan masyarakat setempat.**

Beberapa agensi kerajaan turut mengambil bahagian dalam program ini termasuk Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Kemajuan Perumahan, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, serta Jabatan Saliran dan Pembetungan, Kementerian Pembangunan.

Program tersebut bertujuan menyampaikan maklumat berkenaan dasar-dasar kerajaan, isu semasa serta menerima maklum balas daripada penduduk untuk perhatian dan tindakan lanjut agensi-agensi kerajaan berkaitan.

Dalam ucapan pembukaan, Ketua Rombongan menekankan peranan Jabatan Penerangan sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan dalam menyampaikan maklumat semasa kepada rakyat melalui pelbagai medium termasuk Program Sua Muka dan akhbar rasmi, Pelita Brunei.

Program komunikasi bersemuka seperti ini berperanan penting dalam mengukuhkan hubungan dua hala antara kerajaan dan rakyat selain mempertingkatkan penyampaian maklumat serta pemahaman dasar kerajaan.

Program turut diselitkan dengan sesi dialog antara penduduk kampung dan wakil agensi terlibat yang membincangkan pelbagai isu seperti kemudahan awam, alam sekitar, sistem perparitan serta aspek kebajikan masyarakat setempat.

# Kongsi teknik asas kaunseling secara sistematik, berkesan

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**






**PROGRAM Sangkut : Pengenalan Asas Kaunseling bagi Belia-Belia Kampung dan Mukim diadakan selama tiga hari bermula 21 hingga 23 April 2025. (atas kiri dan atas)**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 22 April. - Pendekatan inklusif, terutamanya di kawasan luar bandar, telah dikenal pasti mampu mengurangkan stigma terhadap isu kesihatan mental.

Usaha ini telah diketengahkan dalam Program Sangkut : Pengenalan Asas Kaunseling bagi Belia-Belia Kampung dan Mukim anjuran Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) serta belia, IMTIYAZ Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dengan kerjasama CureHeart Brunei dan Kumpulan Ali Yusri Aspire, AYAG yang diadakan selama tiga hari bermula 21 hingga 23 April 2025 bertempat di Big Bwn Bolkiah Community Development Centre, hari ini.

Program latihan tersebut melatih 30 peserta setiap sesi dengan kemahiran asas kaunseling untuk membentuk rangkaian 'Mental Health Champions' dalam kalangan komuniti.

Awang Ali Yusri bin Abdul Ghafor dari Kumpulan Ali Yusri Aspire, AYAG ketika ditemui berkata, antara pengisian hari kedua program ini ialah kemahiran praktikal iaitu membina kepercayaan dan menangani perbualan sukar di samping turut mengongsikan kajian kes dan latihan aplikasi teknik kaunseling.

Persatuan Basmi Dadah Brunei Darussalam (BASMIDA) juga turut hadir berkongsi sama mempromosi masyarakat bebas dadah. BASMIDA merupakan salah sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang bergiat aktif dalam menangani isu-isu yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah.

Hadir sama ialah Yang Dipertua Persatuan BASMIDA, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali dan Naib Yang Dipertua BASMIDA, Dayang Hajah Linda Aini binti Abdullah.

Antara objektif program ialah memberi pendedahan kepada pemimpin komuniti mengenai teknik asas kaunseling secara sistematik dan berkesan selain meningkatkan kecekapan pemimpin komuniti dalam memberikan sokongan emosi kepada individu yang mengalami tekanan psikologi serta menggalakkan pembudayaan nilai empati dan komunikasi terbuka dalam kalangan masyarakat.

# AFSA, SYARIKAT 247 STUDIOS TANDATANGANI MOU




**PENGARAH Biro Kawalan Narkotik, Dato Paduka Haji Mohd. Zalani bin Haji Ismail selaku tetamu kehormat semasa menyaksikan penandatanganan Memorandum Persefahaman di antara Persatuan Aftercare Support Association dan Syarikat 247 Studios.**

**Berita dan Foto : Ihsan Persatuan Aftercare Support Association**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 22 April. - Dengan azam dan tekad untuk membantu dan menyantuni Rakan Seliaan (RS), sekali lagi Persatuan Aftercare Support Association (AFSA) telah menjalinkan kerjasama Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Syarikat 247 Studios, pagi tadi.

MoU tersebut diharap akan dapat memberikan peluang-peluang pekerjaan, mengasah kreativiti dalam sketsa drama dan sekali gus dapat mengutip dana dalam apa jua aktiviti dan program yang akan dijalankan.

Hadir bagi menyaksikan penandatanganan MoU, Pengarah Biro Kawalan Narkotik, Dato Paduka Haji Mohd. Zalani bin Haji Ismail selaku tetamu kehormat.

Mewakili AFSA ialah Timbalan Yang Dipertuanya, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri, manakala Syarikat 247 Studios diwakili oleh Pengurus Projeknya, Dayangku Aliyah Nur Bazilah binti Pengiran Haji Aliuddin.

Hadir sama, Yang Dipertua AFSA, Dayang Hajah Juhana binti Haji Jaya, Setiausaha AFSA, Awang Haji Mahali bin Haji Hassan, ahli-ahli AFSA dan pegawai-pegawai Syarikat 247 Studios.

Terlebih dahulu majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Yang Dipertua AFSA dan seterusnya menandatangani MoU berkenaan.

MoU tersebut merupakan pengiktirafan dan sokongan padu daripada Syarikat 247 Studios dalam usaha AFSA membantu dan menyantuni RS agar mereka dapat menjadi insan yang berfikiran positif dan menyumbang sesuatu kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara.




# Gunakan teknologi cekap tenaga, lindungi alam sekitar

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto dan Infografik : Azmah Haji Ahad, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 21 April. - Dalam era perubahan iklim yang semakin meruncing, keperluan untuk kekal sejuk dalam cuaca panas bukan lagi suatu kemewahan, tetapi satu keperluan.

Namun begitu, banyak kaedah penyejukan moden seperti penyaman udara menyumbang kepada pelepasan gas rumah hijau yang secara tidak langsung mempercepatkan pemanasan global.

Justeru itu, masyarakat perlu mencari keseimbangan antara keselesaan dan kelestarian alam sekitar.

Apatah lagi pada musim Hari Raya Aidilfitri yang masih lagi meriah diraikan dengan acara-acara rumah terbuka kerana sebagai tuan rumah, pastinya kita mahukan para tetamu berasa selesa dan mempunyai pilihan untuk dihidangi minuman-minuman yang sejuk apabila berkunjung ke rumah.

Makanya, kita mesti memastikan penyaman udara dan peti sejuk berfungsi dengan baik di sepanjang musim perayaan ini.

Tapi pernahkah awda terfikir bahawa penyaman udara dan peti sejuk di rumah boleh menyumbang kepada penipisan lapisan ozon dan juga pemanasan global jika aktiviti pemasangan dan penyelenggaraan tidak dilakukan dengan betul.

Penggunaan tenaga yang tinggi dan kebocoran gas penyejuk boleh memberi kesan besar kepada alam sekitar.

Jika aktiviti penyelenggaraan tidak dilakukan, pelepasan gas rumah hijau daripada aktiviti penyejukan boleh meningkat dua kali ganda pada 2040 dan seterusnya tiga kali ganda pada 2100.

Oleh itu, pengguna perlu beralih kepada peralatan penyejukan yang menggunakan teknologi cekap tenaga seperti peti sejuk dan penyaman udara yang mesra ozon dan mesra iklim.

Pengguna boleh cari alternatif kepada R410A bagi penyaman udara seperti HFC-32 dan gunakan pengganti untuk HFC-134a bagi peti sejuk seperti R-600a.

Selain itu, pengguna perlu bijak memilih peralatan jimat tenaga dengan mencari unit skor tenaga tinggi atau unit bertaraf bintang dan gunakan teknologi *inverter* untuk menjimatkan elektrik.

Pilih juruteknik terlatih untuk pemasangan dan penyelenggaraan seperti pengendalian gas yang selamat, pemasangan yang tepat dan memaksimumkan kecekapan penyejukan kerana dengan memilih juruteknik terlatih, awda boleh mengelakkan kebocoran gas serta menjimatkan tenaga dan memperpanjangkan jangka hayat peralatan.

Penanaman pokok dan penghijauan kawasan bukan sahaja mencantikkan persekitaran, tetapi juga memberi teduhan dan menyejukkan suhu sekitar melalui proses transpirasi. Justeru, Kempen Penanaman Pokok secara besar-besaran di kawasan perumahan dan bandar perlu digiatkan oleh masyarakat setempat.

Amalan kitar semula dan pengurangan sisa terutamanya sisa elektronik dan plastik, turut menyumbang kepada pemanasan global.

Oleh itu, masyarakat harus mengamalkan gaya hidup yang lebih bertanggungjawab seperti mengitar semula, menggunakan semula dan mengurangkan penggunaan bahan tidak lestari.

Pendidikan dan kesedaran komuniti juga adalah penting untuk setiap lapisan masyarakat agar masyarakat lebih memahami kesan pemanasan global dan cara-cara untuk menanganinya.

Kempen pendidikan, bengkel komuniti dan kolaborasi antara sektor awam dan swasta dapat membantu memperluaskan kefahaman dan tindakan kolektif.

Menyejukkan diri tidak semestinya memanaskan planet.

Dengan usaha kolektif yang berterusan dan kesedaran terhadap kepentingan kelestarian, kita mampu mencipta keseimbangan antara keselesaan hidup dan perlindungan alam sekitar.

Masa depan yang lebih hijau dan sejuk bermula daripada tindakan kita hari ini.



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**Dibukakan Kepada Pemborong-pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**
V sahaja

**Kategori:**
KA01 Sahaja – Kod Baharu

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DDS 016 / 2025 – (CDE).T.V

**Nama Projek:**
Kontrek Penggal Bagi Kerja-kerja Penambahbaikan Saliran Bersepadu, Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran:**
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**
BND5.00

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
Selasa,
27 Mei 2025

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa, 17 Jun 2025,
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang

---

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**
IV (III & IV) sahaja

**Kategori:**
KA01 Sahaja – Kod Baharu

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DDS 015 / 2025 – (SEW).T.IV

**Nama Projek:**
Penyambungan Paip Pembetungan bagi kawasan Lumut Fasa 2

**Yuran Tawaran:**
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**
BND5.00

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:
Selasa,
20 Mei 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
3 Jun 2025,
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang

---

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas :**
V sahaja

**Kategori:**
KA01 & M03

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**
29 April 2025 (Selasa)

**Tarikh Tutup:**
27 Mei 2025 (Selasa)
Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DBSKB / 007 / 2025

**Nama Projek:**
Pengaliran Air – Membina Stesen Pam Di Saluran Keluar (Outfalls), Jalan Maulana, Kuala Belait (Design And Build)

**No. Projek:**
DDS1215-013 / ADBT-01

**Yuran Tawaran:**
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**
-

---

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**
V

**Kategori:**
M01

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**
29 April 2025 (Selasa)

**Tarikh Tutup:**
13 Mei 2025 (Selasa)

**Tidak Lewat Dari Jam:**
2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DME / BOP-ACM / 10 / 2025

**Nama Projek:**
Kontrak Penggal Bagi Operasi Dan Kerja-Kerja Pemeliharaan Sistem Hawa Dingin Bagi Bangunan Ibu Pejabat, Jabatan Kerja Raya Untuk Tempoh Dua (2) Tahun

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

---

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**
V

**Kategori:**
M01

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**
6 Mei 2025 (Selasa)

**Tarikh Tutup:**
20 Mei 2025 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam
2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DME / BOP-ACM / 11 / 2025

**Nama Projek:**
Kerja-Kerja Penggantian Peralatan Hawa Dingin Di Bangunan Ibu Pejabat, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Jalan Utama Mentiri.

**Yuran Tawaran:**
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

---

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**DA / JKSH / 10 / 2025 / 2026**
**[BPPA-APRIL-2025]**
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
1.) Sekolah Rendah Panglima Berudin, Limau Manis
2.) Sekolah Rendah Masin
Kementerian Pendidikan.
Daerah Brunei Muara.
Kod Blok : SM/23
Bagi Tempoh Tiga (3) Bulan

**DA / JKSH / 11 / 2025 / 2026**
**[BPPA-APRIL-2025]**
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
1.) Sekolah Rendah Bebuloh
2.) Sekolah Rendah Kasat
3.) Sekolah Rendah Putat
4.) Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid, Menunggol
5.) Sekolah Rendah Tanjong Kindana
Kementerian Pendidikan.
Daerah Brunei Muara.
Kod Blok : SM/27
Bagi Tempoh Tiga (3) Bulan

**DA / JKSH / 12 / 2025 / 2026**
**[BPPA-APRIL-2025]**
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Makan Bagi :
1.) Sekolah Rendah Panchong
2.) Sekolah Rendah Benutan
Kementerian Pendidikan.
Daerah Tutong.
Kod Blok : MKN/03
Bagi Tempoh Tiga (3) Bulan

**DA / JKSH / 13 / 2025 / 2026**
**[BPPA-APRIL-2025]**
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Asrama Makan Bagi :
1.) Sekolah Rendah DMS Dian Sukang
2.) Sekolah Rendah Melilas
Kementerian Pendidikan.
Daerah Belait.
Kod Blok : AM/01
Bagi Tempoh Tiga (3) Bulan

**DA / JKSH / 14 / 2025 / 2026**
**[BPPA-APRIL-2025]**
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Asrama Kering Bagi
Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Gadong
Kementerian Pendidikan.
Daerah Brunei Muara.
Kod Blok : AK/01
Bagi Tempoh Tiga (3) Bulan

**Bayaran Yuran Sebut Harga :**
BND5.00

**Tarikh Tutup / Waktu :**
Sabtu,
3 Mei 2025
Jam 9.00 Pagi

---

KEMENTERIAN KESIHATAN

**Bilangan Tawaran:**
KK / 85 / 2025 / UPP

**Keterangan:**
The Supply And Delivery Cardiac Table And Bedside Locker For Internal Medicine Unit At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital, Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**
BND30.00

**Tarikh Tutup:**
20 Mei 2025.
Selasa
Jam 12.00 Tengah Hari.

---

KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

**Bilangan Tawaran:**
MOFE / UPAH / T / 2025 - 1

**Tajuk Tawaran:**
Term Contract (36 Months) Janitorial Cleaning / Housekeeping Works For Ministry Of Finance And Economy, Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran / Dokumen:**
BND100.00 bagi Yuran Tawaran dan BND5.00 bagi Yuran e-dokumen (Jika pihak penender memerlukan)

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
29 April 2025.

**JABATAN PENERBANGAN AWAM**
**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**Tajuk Tawaran:**
'The Supply, Delivery And Testing Of Alcatel PABX Replacement Parts At Department Of Civil Aviation'

**Rujukan Tawaran:**
ATELS / 2025 / SH-19

**Tarikh iklan / mengambil dokumen Sebut Harga:**
23 April 2025,
Rabu

**Tarikh terakhir mengambil dokumen Sebut Harga:**
29 April 2025,
Selasa

**Tarikh tutup Sebut Harga:**
30 April 2025,
Rabu
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

**Kepada:**
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam

**Tajuk Tawaran:**
'The Supply, Delivery And Testing Of Long-Range Portable Case Of Very High Frequency Transceiver At Department Of Civil Aviation'

**Bilangan Sebut Harga:**
ATELS / 2025 / SH-17

**Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:**
23 April 2025,
Rabu

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:**
6 Mei 2025,
Selasa

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
7 Mei 2025,
Rabu
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

**Kepada:**
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut harga
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan
BB2513
Negara Brunei Darussalam

**Tajuk Tawaran:**
The Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Park Air T6TR Transceiver For Live Standby Approach Radar At Department Of Civil Aviation

**Rujukan Tawaran:**
ATELS / 2025 / SH-06

**Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:**
23 April 2025,
Rabu

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:**
6 Mei 2025,
Selasa

**Tarikh tutup Sebut Harga:**
7 Mei 2025,
Rabu
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

**Kepada:**
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah, Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan
BB2513
Negara Brunei Darussalam

---

**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Notis Sebut Harga**

**Tajuk Sebut Harga:**
RTB / K / 02 / 25 – 26
Percetakan Dan Pembekalan Custom Designed Recycle Bag Dan Customed Designed Pen Untuk Cenderamata Responden Kajian

**Bayaran Yuran (termasuk e-dokumen):**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Salinan Kertas (Hardcopy):**
BND5.00
(jika perlu dan tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**
Rabu,
28 Mei 2025,
jam 2.00 Petang

---

**JABATAN PENGAJIAN ISLAM**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**Bilangan Sebut Harga:**
KHEU / JPI / JKS / PPR / (H) 2025-2026

**Keterangan Tajuk Sebut Harga:**
Perkhidmatan Pemotongan Rumput Tempoh 2 Tahun Bagi Zon 'H' (Ma'had Islam Brunei, Tutong Dan Pejabat Pengajian Islam Daerah Tutong) Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama Tahun 1446H-1447H / 2025M-2026M

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**
Rabu,
9 Zulkaedah 1446H /
7 Mei 2025M,
tidak lewat jam
2.00 Petang.

---

**JABATAN KAJICUACA**
**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**Sebut Harga Bagi Perkhidmatan / Pembekalan:**
The Supply, Delivery and Installation of Portable Kiosk Display For Brunei Darussalam Meteorological Department

**Bilangan Sebut Harga:**
JKBD / 2024 / SH-17 (R)

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Rabu,
30 April 2025
sebelum jam 9.00 Pagi

**Tempat Menghantar :**
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam
Blok B23,
Flat Anggerek Desa
Simpang 32-37,
Kampong Anggerek Desa
Bandar Seri Begawan BB3713
Negara Brunei Darussalam

---

**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
KHEDN / UTM / LTK / 01 - 2025
Term Contract
For The Supply And Delivery Of Printer Toners For Departments Under Ministry Of Home Affairs

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
29 April 2025
Jam 2.00 Petang

---

**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK**
**JABATAN TENAGA**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk Memberi Tawaran**
**Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam**

**Bil Tawaran:**
JPE / LTK / KOP / 023/ 2025

**Tajuk :**
Provision of Security Guard Services For DES Batu Bersurat, Cable Yard Gadong, Main Store Gadong And Pasir Putih Sub-Store for 36 Months

**Tarikh Tutup:**
20 Mei 2025
(Selasa, Jam 2.00 Petang)

**Yuran Tawaran:**
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tempat Tutup :**
Tender Box
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam.

**Kelayakan:**
Syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Pasukan Polis Diraja Brunei

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari **Unit Tawaran dan Sebut Harga, Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Tenaga, Negara Brunei Darussalam.**

---

**JABATAN DAERAH TUTONG**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran:**
JDT / UTS / HK-79 / 2025 / 01

**Tajuk Tawaran:**
Menyediakan Perkhidmatan Pengurusan Acara (Event Management) Bagi Persembahan Khas Majlis Ramah Mesra Dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat Dan Penduduk Daerah Tutong Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-79 Bagi Daerah Tutong

**Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Rabu, 7 Mei 2025
Jam 2.00 Petang.

**Jabatan Perancangan Ekonomi Dan Statistik**
**Kementerian Kewangan Dan Ekonomi**
**Negara Brunei Darussalam**

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi masih lagi menyimpan wang taruhan Lembaga Kemajuan Ekonomi dari tahun 1979 hingga 1999 sebagaimana nombor-nombor resit dan nama-nama yang disenaraikan.

Sehubungan ini, dipohonkan kerjasama kepada nama-nama yang tersenarai di bawah akan dapat datang sendiri atau wakil dengan membawa bersama **salinan resit asal** dan surat wakil (jika berwakilkan) **ke Kaunter Kewangan, Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, *Commonwealth Drive*, Bandar Seri Begawan BB 3910,** Negara Brunei Darussalam mulai Disember 2024 hingga Februari 2025 semasa waktu Pejabat bermula 8.30 Pagi hingga 4.00 Petang sahaja. Jika wang taruhan tidak dituntut selepas tarikh tersebut di atas, maka wang tersebut akan dimasukkan ke dalam akaun hasil Kerajaan.

Nama-nama / Syarikat-Syarikat yang berkenaan adalah seperti berikut:

| Bil. | No. Resit | Tarikh | Nama | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| 1 | 216198 | September 1979 | Greenland Industries Ltd | BND500.00 |
| 2 | 494020 | Disember 1979 | Awg Othman bin Burut | BND588.00 |
| 3 | 828030 | Julai 1980 | Sharikat Awang Damit | BND500.00 |
| 4 | 828076 | Ogos 1980 | Asia Win Indistrial Co Ltd | BND500.00 |
| 5 | 828175 | September 1980 | Prince Hotel Company | BND500.00 |
| 6 | 854555 | Mac 1980 | Econ Motor | BND100.00 |
| 7 | 854556 | Mac 1980 | Skt Awg Damit | BND100.00 |
| 8 | 828991 | Januari 1981 | Hjh Siti Masni bte Hasib | BND588.00 |
| 9 | 786525 | April 1982 | Oriental Travel Service | BND1,000.00 |
| 10 | 786799 | Jun 1982 | Brunei Travel Service Pte Ltd | BND1,000.00 |
| 11 | 579613 | April 1983 | H.T.H Travel Agency | BND1,000.00 |
| 12 | 048583 | 1983 | Awg Zainal Ariffin Puteh | BND1,000.00 |
| 13 | 048754 | 1983 | Intan Travel and Trading Agent | BND1,000.00 |
| 14 | 049179 | 1983 | Hj Abd Rahman Hj Lamit | BND1,000.00 |
| 15 | 049310 | 1983 | Coel Aire (b) Ltd | BND500.00 |
| 16 | 280361 | 1987 | Hj Omar bin Ibrahim | BND3,900.00 |
| 17 | 525014 | Mei 1989 | WanTong Travel Service | BND1,000.00 |
| 18 | 419457 | Februari 1990 | M/s Jasrkil (B) bhd | BND200.00 |
| 19 | 419452 | Februari 1990 | M/s Mechaira Engineering Sdn Bhd | BND200.00 |
| 20 | 419460 | Februari 1990 | To Bishima Jaya Sdn Bhd | BND500.00 |
| 21 | 419463 | Februari 1990 | Miss L & M Drestresing Sdn Bhd | BND500.00 |
| 22 | 419466 | Februari 1990 | Chuon Tzu Construction Co | BND500.00 |
| 23 | 419470 | Februari 1990 | Misses Syarikat Morni | BND500.00 |
| 24 | 419476 | Februari 1990 | Hj Mohd. Yassin General Contractor Sdn Bhd | BND500.00 |
| 25 | 419482 | Februari 1990 | Borneo Air- Conditioning & Engineering Sendirian Bhd | BND200.00 |
| 26 | 774010 | Mac 1990 | Fong Elecrical Trading Co Ltd | BND500.00 |
| 27 | 774011 | Mac 1990 | Friendly Electrical Co | BND500.00 |
| 28 | 774015 | Mac 1990 | M/s BMS Engineering & Partners | BND500.00 |
| 29 | 774318 | Mac 1990 | Jofri bin Mohd Noor | BND200.00 |
| 30 | 774319 | Mac 1990 | Sykt Nor Hj Ali Adik Beradik | BND200.00 |
| 31 | 774324 | Mac 1990 | Md Daud General Contractor | BND200.00 |
| 32 | 774328 | Mac 1990 | Sykt Haly | BND200.00 |
| 33 | 774330 | Mac 1990 | Siti Nabila Minimart | BND200.00 |
| 34 | 774332 | Mac 1990 | Yusaja Catering SVCS | BND200.00 |
| 35 | 774333 | Mac 1990 | Meraj Restaurant | BND200.00 |
| 36 | 887035 | Ogos 1994 | Perusahaan Hjh Sih | BND300.00 |
| 37 | 887038 | September 1994 | Restoran Al Hidayah | BND300.00 |
| 38 | 887044 | September 1994 | Perusahaan Hj Abd Rahman | BND300.00 |
| 39 | 887047 | September 1994 | Pg Othman PHI Gen Const. | BND300.00 |
| 40 | 887133 | November 1994 | Restoran Hjh Sih | BND5,700.00 |
| 41 | 582429 | 1998 | Azhimu Jaya Garments | BND500.00 |
| 42 | 682496 | November 1998 | Awg Hj Md Razali bin Hj Johari RBJ Industries Sdn Bhd | BND500.00 |
| 43 | 4252017 | Februari 1999 | PDS Industries Sdn Bhd | BND500.00 |
| 44 | 4252045 | Mei 1999 | PSA Muara Container Indistrial Sdn Bhd | BND500.00 |
| 45 | 4252048 | Mei 1999 | Syarikat Pengangkutan Antara Sdn Bhd | BND500.00 |
| 46 | 493023 | 1985 | K.G. Holding Sdn Bhd | BND1,000.00 |
| 47 | 934288 | Disember 1985 | KG Alaimaoih Travel & Tourism Sdn Bhd | BND3,000.00 |
| 48 | 935030 | April 1986 | Ria Travel Service Sdn Bhd | BND1,000.00 |
| 49 | 935341 | Mei 1986 | Brunei Oxygen Sdn Bhd | BND500.00 |
| 50 | 522470 | Mei 1987 | Pankia Tunggal Knitting Mill (Lucky Garment Fact) | BND500.00 |
| 51 | 522809 | Julai 1987 | Kingston Beverage Creamery Sdn Bhd | BND500.00 |
| 52 | 524898 | Oktober 1988 | Jati Freedom Textile Sdn Bhd | BND500.00 |
| 53 | 525004 | Mac 1989 | Syarikat Pembangunan dan Kejuruteraan Sabli | BND500.00 |
| 54 | 525018 | Julai 1989 | Rubyanti D Hamidjojo | BND500.00 |
| 55 | 525019 | Julai 1989 | Moscot Utama Engineering (B) Sdn Bhd | BND500.00 |
| 56 | 525021 | Ogos 1989 | International Businees Watch Products | BND500.00 |
| 57 | 525025 | September 1989 | Awg Mohd Hassan B Hj Mohd Yusof | BND500.00 |
| 58 | 525166 | Mac 1990 | Azhimu Garments sand Textile | BND500.00 |
| 59 | 525187 | Mac 1990 | Awg Amat Daud bin Tahir | BND20.00 |
| 60 | 525210 | Jun 1990 | SMAS Cb Sdn Bhd | BND1,000.00 |
| 61 | 525211 | Mei 1990 | Zisan Enterprise | BND1,000.00 |
| 62 | 525214 | Mei 1990 | Mahasiswa Travel Services | BND1,000.00 |
| 63 | 525252 | November 1990 | Asia Win Industrial Co | BND500.00 |
| 64 | 525346 | Januari 1991 | D.D.L Tour Operator | BND1,000.00 |
| 65 | 525425 | September 1991 | G & S Enterprise | BND100.00 |
| 66 | 525426 | September 1991 | Syarikat Sinar Cahaya | BND100.00 |
| 67 | 525427 | September 1991 | Hj Alias Abdullah | BND100.00 |
| 68 | 525435 | September 1991 | Rosmo Enterprise | BND400.00 |
| 69 | 525432 | September 1991 | Syarikat Nurhidaya | BND100.00 |
| 70 | 525433 | September 1991 | GRD Marine Ind Sdn Bhd | BND100.00 |
| 71 | 525434 | September 1991 | Seri Melati | BND300.00 |
| 72 | 525430 | September 1991 | Syarikat Hj Wahab bin Matali General Contractor | BND100.00 |
| 73 | 525552 | Jun 1992 | Titian Travel & Tours | BND1,000.00 |
| 74 | 525561 | Ogos 1992 | Awg Sulaiman bin Hj Ahai | BND500.00 |
| 75 | 525568 | Oktober 1992 | Hj Abu Bakar bin Hj Tengah | BND100.00 |
| 76 | 525571 | Oktober 1992 | Hj Othman bin Awg Sunggoh | BND100.00 |
| 77 | 525582 | Oktober 1992 | Kota Batu Petrol Station | BND100.00 |
| 78 | 525583 | Oktober 1992 | Hj Harlina Hj Othman | BND100.00 |
| 79 | 525584 | Oktober 1992 | Hjh Ummi Kalthum binti Md Sharbini | BND100.00 |
| 80 | 525589 | Oktober 1992 | Joharie bin Hj Matussin | BND100.00 |
| 81 | 525602 | November 1992 | Abu Hanafiah bin Mohammad Sugur | BND100.00 |
| 82 | 525605 | November 1992 | Tokai Bumiputra Sdn Bhd | BND500.00 |
| 83 | 525606 | November 1992 | Butra Sdn Bhd | BND500.00 |
| 84 | 525690 | Januari 1993 | Perusahaan PKS Kontrol Sistem | BND500.00 |
| 85 | 525775 | Ogos 1993 | Megamas Training Co Sdn Bhd | BND500.00 |
| 86 | 525778 | Ogos 1993 | HL Bian Hoe Sdn Bhd | BND500.00 |
| 87 | 525782 | September 1993 | Hjh Mariah binti Abd latif | BND100.00 |
| 88 | 525789 | September 1993 | Hj Almin bin Hj Tanjong | BND100.00 |
| 89 | 525791 | September 1993 | Dyg Nosnani bte Hj Kipli | BND100.00 |
| 90 | 525792 | September 1993 | Dyg Nosnani bte Hj Kipli | BND100.00 |
| 91 | 525797 | September 1993 | Sulaiman Hj Ahai | BND100.00 |
| 92 | 525798 | September 1993 | Sulaiman Hj Ahai | BND100.00 |
| 93 | 525811 | Oktober 1993 | Hjh Siti Jaliha bte Hj Mohd Tanjong | BND100.00 |
| 94 | 525812 | Oktober 1993 | Hjh Siti Jaliha bte Hj Mohd Tanjong | BND100.00 |
| 95 | 525813 | Oktober 1993 | Hjh Siti Jaliha bte Hj Mohd Tanjong | BND100.00 |
| 96 | 525820 | November 1993 | Perkasa – Hauley Garment | BND500.00 |
| 97 | 525826 | Disember 1993 | ATH – Tyfountex Sdn Bhd | BND500.00 |
| 98 | 525937 | Jun 1994 | Alliance Garment Industries Sdn Bhd | BND500.00 |
| 99 | 525950 | Julai 1994 | Pengurus Amideo Corporation | BND1,000.00 |
| 100 | 525956 | Julai 1994 | Hj Malik bin Adam | BND100.00 |
| 101 | 525957 | Julai 1994 | Hj Malik bin Adam | BND100.00 |
| 102 | 525962 | Ogos 1994 | Rokiah Hj Mohd Zain | BND100.00 |
| 103 | 525963 | Ogos 1994 | Rokiah Hj Mohd Zain | BND100.00 |
| 104 | 525964 | Ogos 1994 | Awg Hj Salleh @ Daud bin Awg Damit | BND100.00 |
| 105 | 525967 | Ogos 1994 | Hjh Mariah bte Abd Latif | BND100.00 |
| 106 | 525968 | Ogos 1994 | Rohayah bte Hj Kama | BND100.00 |
| 107 | 525972 | 1994 | Hj Naseruddin Hj Mohd Husaini | BND100.00 |
| 108 | 525982 | November 1994 | Ak Hj Sulaiman bin Pg Hj Yusof | BND100.00 |
| 109 | 525984 | November 1994 | Abdul Latif bin Md Jair | BND100.00 |
| 110 | 525988 | November 1994 | Awg Hj Md Yusof bin Hj Kamal | BND100.00 |
| 111 | 525989 | November 1994 | Siti Hawa Hj Abu Hanafiah | BND100.00 |
| 112 | 682082 | Januari 1995 | Travel Centre (Borneo) Sdn Bhd | BND4,000.00 |
| 113 | 682101 | Mac 1995 | Yakob bin Abd Hasrah | BND100.00 |
| 114 | 682106 | Mac 1995 | Hajjah Rohani bte Hj Ismail | BND100.00 |
| 115 | 682107 | Mac 1995 | Hj Abd Wahab bin Abu Bakar | BND100.00 |
| 116 | 682108 | Mac 1995 | Abd Rahman bin Hj Mosin | BND100.00 |
| 117 | 682109 | Mac 1995 | Abd Rahman bin Hj Mohsin | BND100.00 |
| 118 | 682104 | Mac 1995 | Madiah bte Hj Mumin | BND100.00 |
| 119 | 682105 | Mac 1995 | Hj Mohd Salleh bin Hj Matahir | BND100.00 |
| 120 | 682110 | Mac 1995 | Awg Aji bin Hj Hitam | BND100.00 |
| 121 | 682111 | Mac 1995 | Dy Hajjah Mariah bte Abdul Latif | BND100.00 |
| 122 | 682112 | Mac 1995 | Zaliha Haji Ahmad | BND100.00 |
| 123 | 682114 | Mac 1995 | Nursinah bte Mohd Yusof | BND100.00 |
| 124 | 682118 | Mac 1995 | Hjh Rohani binti Hj Ismail | BND100.00 |
| 125 | 682122 | Mac 1995 | Al-Amin Leather Factory (B) Sdn Bhd | BND500.00 |
| 126 | 682146 | September 1995 | Lim Kim Hai Industry (B) Sdn Bhd | BND500.00 |
| 127 | 682148 | September 1995 | Dato Paduka Noordin bin Hj Mohd Noor | BND100.00 |
| 128 | 682151 | September 1995 | Dato Paduka Noordin bin Hj Mohd Noor | BND100.00 |
| 129 | 682152 | September 1995 | Dato Paduka Noordin bin Hj Mohd Noor | BND100.00 |
| 130 | 682154 | Oktober 1995 | Awg Mohamad bin Awg Hj Ibrahim | BND100.00 |
| 131 | 682155 | Oktober 1995 | Awg Mohamad bin Awg Hj Ibrahim | BND100.00 |
| 132 | 682240 | Mac 1996 | Awg Roslan bin Hj Baha | BND100.00 |
| 133 | 682242 | Mac 1996 | Dy Noorainah binti Hj Abd Rahman | BND100.00 |
| 134 | 682245 | Mac 1996 | Pg Hj Mohd Yakub bin Pg Hj Othman | BND100.00 |
| 135 | 682246 | Mac 1996 | Pg Hj Mohd Yakub bin Pg Hj Othman | BND100.00 |
| 136 | 682247 | Mac 1996 | Hj Mohamad Said bin Haji Yaakub | BND100.00 |
| 137 | 682274 | Ogos 1996 | Seri Pertamas Garment MFG Sdn Bhd | BND500.00 |



# جوالن سالينن ݢمبر٢ ديݢيتل

# JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



**HARGA JUALAN**

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.
Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan satu keping cd adalah BND21.
(Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

**TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN**

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

**JENIS-JENIS**

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam **laman galeri Infofoto (www.infofoto.gov.bn)** dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil oleh warga Jabatan Penerangan.

**IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN**

JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400
FAKS : 2382242

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

**WAKTU PERNIAGAAN**

Isnin - Khamis
8.00 Pagi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg
Sabtu
8.00 Pagi – 11.00 Pagi

InfoDeptBN | Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam | infodept.bn | infodept_bn

# KETAHUI SUMBER GARAM AWDA

KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

**GARAM TERDIRI DARI 40% SODIUM**




1. Pilih makanan segar dan tidak berproses
2. Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat
3. Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam
4. Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin
5. Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

## JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

**1385 mg**

1 bungkus
**Mee Segera**

**1000 mg**

Sebiji
**Telur Masin**

**880 mg**

1 sudu makan
**Kicap**

**376 mg**

3 sudu makan
***Corned Beef***

**295 mg**

1 bungkus kecil
**Keropok Ubi Kentang**

**243 mg**

1 bungkus kecil
**Keropok Udang Tempatan**

**120 mg**

1 cawan
**Kentang Goreng**

**116 mg**

Segenggam
**Kacang Tanah (Salted)**

**15 mg**

3 keping
**Kraker Beras**

**2.4 mg**

1/2 cawan
**Amping**

**1.7 mg**

Segenggam
**Kacang Tanah (Unsalted)**

**1.2 mg**

Sebiji ukuran sederhana
**Pisang**

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari **satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium)** sehari

**Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok**

hpcbrunei | Health Promotion Centre | Talian Darussalam 123

# EFWI MEMPERKUKUH USAHA MELESTARIKAN ALAM SEKITAR

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 21 April. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terus menunjukkan komitmen dalam memperkukuh usaha melestarikan alam sekitar menerusi pelaksanaan Eco Food Waste Initiative (EFWI), yang diungkayahkan oleh Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) sebagai sebahagian daripada strategi pengurusan sisa negara yang lebih mampan.

Inisiatif berkenaan bertujuan untuk mendidik masyarakat agar lebih bertanggungjawab dalam pengurusan makanan, daripada peringkat pembelian sehinggalah kepada pelupusan.

EFWI menggalakkan rakyat merancang pembelian dengan bijak agar hanya makanan yang diperlukan sahaja dibeli, sekali gus dapat mengelakkan pembaziran.

Melalui EFWI, JASTRe menggalakkan pendekatan bersepadu dalam mengurus sisa makanan bermula dari rumah dan premis perniagaan. Masyarakat disaran untuk merancang pembelian dengan lebih bijak sekali gus mengurangkan pembaziran.

Para pengguna juga diingatkan untuk sentiasa menyemak tarikh luput sebelum membeli atau 'guna sebelum' (*best before*) supaya ia tidak dibazirkan secara tidak sengaja.

Selain itu, penyimpanan makanan yang betul amat penting bagi memastikan makanan kekal segar dan tahan lebih lama. Masyarakat juga digalakkan untuk membawa balik lebihan makanan daripada restoran atau majlis-majlis sebagai satu langkah kecil yang membawa impak besar dalam mengurangkan sisa makanan.

Sekiranya masih terdapat sisa makanan yang tidak dapat dimakan, ia boleh dikomposkan dan digunakan sebagai baja semula jadi, terutama untuk aktiviti pertanian dan tanaman di rumah.

EFWI berkenaan bukan sekadar usaha untuk mengurangkan sampah, tetapi turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi hijau dan menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG 12.3), khususnya dalam aspek pengeluaran dan penggunaan yang bertanggungjawab serta tindakan terhadap perubahan iklim.

Ia juga selaras dengan hasrat kerajaan untuk mewujudkan masyarakat yang berilmu, peka dan prihatin terhadap alam sekitar seperti yang digariskan dalam Wawasan Brunei 2035.

JASTRe telah menjalankan pelbagai aktiviti kesedaran seperti kempen pendidikan, program komuniti dan kerjasama dengan sektor swasta untuk memastikan mesej inisiatif berkenaan sampai ke seluruh pelosok masyarakat.

Usaha berterusan berkenaan memperlihatkan tekad kerajaan dalam membina sebuah masyarakat yang lebih prihatin terhadap impak pembaziran makanan dan peranan mereka dalam melindungi alam sekitar.

Dengan sokongan padu daripada rakyat dan semua pihak berkepentingan, EFWI diyakini akan terus menjadi pemangkin kepada perubahan positif dalam pengurusan sisa makanan di Negara Brunei Darussalam.



SISA makanan yang tidak dapat dimakan boleh dikomposkan dan digunakan sebagai baja semula jadi, terutama untuk aktiviti pertanian dan tanaman di rumah.

# Kongsi pengetahuan, penyiasatan jenayah pemerdagangan orang




TAKLIMAT disampaikan oleh DSP Hajah Anis @ Roszaffina binti Haji Ahmad / Mohd. Ariffin berserta anggota-anggota dari USPM, JSJ, PPDB, bersama seorang penterjemah.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**MUARA,** Isnin, 21 April. - Dalam usaha mempertingkatkan kesedaran dan inisiatif tentang jenayah pemerdagangan orang di Negara Brunei Darussalam (NBD), Unit Siasatan Pemerdagangan Manusia (USPM) daripada Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah memberi taklimat mengenai Jenayah Pemerdagangan Orang (Trafficking in Persons) kepada 42 pekerja di bahagian operasi, Hengyi Industries Sdn. Bhd. di Pulau Muara Besar yang terdiri daripada warga tempatan dan Republik Rakyat China.

Taklimat telah disampaikan oleh DSP Hajah Anis @ Roszaffina binti Haji Ahmad / Mohd. Ariffin berserta anggota-anggota di Unit Siasatan Pemerdagangan Manusia.

Antara perkara yang dibentangkan dalam taklimat ini termasuk maklumat mengenai kes bersejarah (*land cases*) serta latihan kajian kes melibatkan kes-kes pemerdagangan orang yang telah berjaya didakwa di mahkamah dan memenuhi semua indikasi unsur-unsur pemerdagangan orang, hasil siasatan oleh USPM sejak penubuhannya pada 16 Ogos 2011.

Objektif utama taklimat ini adalah bertujuan untuk memberikan pengetahuan yang lebih dalam dan memahami secara lebih terperinci tentang elemen-elemen dan indikasi di dalam penyiasatan jenayah pemerdagangan orang.



# PROGRAM DEDAHKAN PELAJAR PERKARA ASAS KECEMASAN



**ANTARA yang menyertai '3c's: Connect, Communicate and Conquer' yang diadakan di Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SASHHB), Kampung Rimba.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

**GADONG**, Selasa, 22 April. - Sebanyak 17 orang mahasiswa dan mahasiswi dari Platun 5 Bulan Sabit Merah Universiti Islam Sultan Sharif Ali (PBSM UNISSA) telah menjalankan program berupa taklimat dan bengkel yang bertajuk '3c's: Connect, Communicate and Conquer' yang diadakan di Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SASHHB), Kampung Rimba, baru-baru ini.

Seramai 40 orang pelajar dari Tahun 7 SASHHB telah diberikan taklimat mengenai kesedaran asas pertolongan cemas yang disampaikan oleh Platun 5 PBSM UNISSA.

Antara tujuan program diadakan adalah agar para pelajar terdedah dengan perkara-perkara asas kecemasan, mengetahui ciri-ciri penting pertolongan cemas dan tatkala di dalam era yang penuh dengan landskap canggih.

Turut disertakan di dalam program adalah aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pelajaran dan membantu kemahiran sosial iaitu 'Interpersonal Skills booster'.

Aktiviti tersebut dilancarkan dengan kerjasama Platun 5 PBSM UNISSA dengan tujuan bagi mengasah kemahiran sosial mereka.

Para peserta dibahagi kepada beberapa kumpulan kecil dengan diberikan hadiah pada akhir program sesuai dengan pencapaian yang mereka peroleh selama acara berlangsung.

Program '3c's: Connect, Communicate and Conquer' bertujuan untuk menekankan tidak hanya kepentingan praktikal pengetahuan pertolongan cemas kepada pelajar sekolah menengah tetapi juga sebagai inisiatif yang dijalankan oleh ahli Platun Bulan Sabit Merah UNISSA untuk menyokong visi Persatuan Bulan Sabit Merah Brunei Darussalam (BRC) untuk menghasilkan 'seorang pemberi pertolongan cemas untuk setiap rumah menjelang tahun 2035' dengan menanam minat dalam pembelajaran kemahiran pertolongan cemas asas dan bagaimana untuk bertindak dengan betul dalam keadaan kecemasan di kalangan golongan muda.

Program juga mengaplikasikan konsep 'Pendidikan berkualiti', 'Bandar dan Komuniti Mampan' dan 'Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kuat'.

Konsep-konsep tersebut dalam Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) serta untuk memupuk semangat kebebasan sukan di kalangan pelajar UNISSA melalui pengaturcaraan dan menjalankan program-program pendidikan untuk komuniti.

# Tingkatkan kesedaran mengenai kepentingan cukai korporat





**SESI Pembarigaan Cukai Pendapatan Korporat bertujuan untuk meningkatkan kefahaman mengenai skop percukaian di negara ini di samping meningkatkan kesedaran tentang tanggungjawab syarikat-syarikat perniagaan ke atas pematuhan Cukai Pendapatan Korporat (atas dan kiri).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 22 April. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) melalui Bahagian Hasil telah mengadakan Sesi Pembarigaan Cukai Pendapatan Korporat pada Rabu, 16 April 2025 yang berlangsung di Bilik Serbaguna 2, Tingkat 3, Island Block, MOFE.

Sesi pembarigaan ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman kepada syarikat-syarikat perniagaan mengenai skop percukaian di negara ini di samping untuk meningkatkan kesedaran terhadap obligasi dan tanggungjawab syarikat-syarikat perniagaan ke atas pematuhan Cukai Pendapatan Korporat.

Dalam taklimat tersebut, pegawai dari Bahagian Hasil telah menjelaskan secara menyeluruh antaranya tentang asas penaksiran cukai, pematuhan untuk pemfailan penyata cukai dan perkiraan cukai, selaras dengan Akta Cukai Pendapatan, Penggal 35.

Sesi pembarigaan ini adalah salah satu usaha berterusan MOFE dalam memperkukuhkan lagi tahap pematuhan cukai dan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan cukai korporat kepada orang ramai terutama dalam kalangan pembayar cukai di negara ini.




# Hari Buku Sedunia, semarakkan budaya membaca

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Jabatan Penerangan

SETIAP tahun, seluruh dunia akan meraikan Hari Buku Sedunia pada 23 April sebagai tanda penghormatan kepada penulisan, penerbitan dan pembacaan. Hari yang ditetapkan oleh UNESCO (United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization) ini bertujuan untuk memupuk minat membaca dalam kalangan masyarakat di seluruh dunia serta mengiktiraf sumbangan penulis, penerbit dan pustakawan dalam menyebarkan ilmu. Sambutan Hari Buku Sedunia juga bertujuan untuk menggalakkan anak-anak meneroka dan menikmati keseronokan membaca buku dengan menyediakan ruang serta peluang bagi memiliki sebuah buku sendiri.

### Budaya membaca dalam masyarakat

Membaca buku merupakan satu aktiviti yang bukan sahaja menyeronokkan, malah memberi pelbagai manfaat kepada individu dan masyarakat secara keseluruhannya. Dalam era globalisasi dan teknologi yang serba canggih ini, budaya membaca buku perlu diperkasakan agar masyarakat tidak ketinggalan dalam arus kemajuan ilmu pengetahuan.

Antara kepentingan utama membaca buku ia dapat meningkatkan pengetahuan, selain merupakan sumber ilmu yang merangkumi pelbagai bidang seperti sains, sejarah, agama dan sebagainya. Individu yang gemar membaca lazimnya lebih berpengetahuan, berfikiran kritis dan mampu membuat keputusan yang bijak dalam kehidupan seharian.

Selain itu, membaca buku juga dapat memupuk pemikiran kreatif dan inovatif yang akan mendedahkan kepada pelbagai idea, pandangan dan pendekatan baharu yang boleh mencetus inspirasi terutama dalam kalangan generasi muda yang bakal menerajui masa depan negara.

### Teknologi digital

Perkembangan teknologi digital turut mengubah cara masyarakat mengakses bahan bacaan. Buku bukan lagi hanya dalam bentuk fizikal, malah kini wujud dalam bentuk elektronik atau e-buku (*e-book*) yang boleh dibaca melalui telefon pintar, tablet dan komputer. Kemudahan ini sepatutnya dimanfaatkan sepenuhnya, terutama oleh golongan muda. Aplikasi pembacaan seperti Kindle, Wattpad dan Scribd boleh dijadikan alternatif kepada buku fizikal. Walaupun teknologi semakin canggih, nilai dan manfaat membaca buku tetap tidak berubah. Buku mempunyai keupayaan untuk mengasah daya tumpuan dan kemahiran berfikir secara mendalam, berbanding maklumat di media sosial yang belum tentu betul. Namun, medium sosial media boleh digunakan untuk mempromosikan buku dan berkongsi ulasan bacaan, sekali gus mewujudkan komuniti pembaca yang aktif dan berkembang maju.

Ibu bapa perlu memainkan peranan sebagai contoh teladan dengan memupuk amalan membaca dalam kalangan anak-anak sejak mereka kecil. Aktiviti seperti membacakan buku cerita sebelum tidur atau membawa anak ke perpustakaan boleh meningkatkan minat dan memperluas pengetahuan membaca dalam diri mereka.

Amalan membaca secara meluas dapat melahirkan warga yang berilmu, beretika dan bertanggungjawab. Semakin banyak kita membaca, semakin tinggilah ilmu yang kita peroleh. Masyarakat yang suka membaca akan lebih mudah untuk memahami isu-isu semasa, menyokong dasar-dasar pembangunan dan memainkan peranan aktif dalam kemajuan negara. Sekolah dan institusi pendidikan juga perlu menggalakkan pembacaan para pelajar untuk terus membaca.

### Diskaun Mega Buku DBP

Bagi menyemarakkan Hari Buku Sedunia 2025 yang disambut setiap 23 April, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Penerbitan dan Pemasaran akan mengadakan Diskaun Mega Buku DBP. Orang ramai dialu-alukan untuk mengunjungi jualan buku besar-besaran berkenaan yang akan diadakan selama dua hari, iaitu pada Selasa hingga Rabu, 1 hingga 2 Zulkaedah 1446 Hijrah bersamaan 29 hingga 30 April 2025 Masihi dari jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang di Stor DBP, Berakas.

Diskaun Mega Buku DBP menawarkan potongan harga sehingga 80 peratus untuk lebih 900 tajuk buku, majalah dan jurnal, termasuk buku ilmiah dan jurnal akademik; buku cerita kanak-kanak, buku rujukan istilah, daftar kata, kamus, monograf dan pedoman umum, dan bahan bacaan sastera seperti cerpen, novel dan puisi.

Pengunjung juga berpeluang untuk membeli buku secara pukal atau borong (*bulk purchase*). Pelbagai kaedah pembayaran juga disediakan untuk kemudahan pembeli, seperti pembayaran secara tunai, kad garut dan dalam talian. Ikuti perkembangan lanjut Diskaun Mega Buku DBP melalui Instagram dan TikTok rasmi DBP di *@dbpbrunei* atau hubungi talian Kedai Buku DBP di +673 7293570.

### Penutup

Pada kesimpulannya, membaca buku merupakan satu pelaburan jangka panjang yang memberi banyak manfaat. Marilah kita jadikan membaca sebagai budaya hidup, bukan sekadar aktiviti masa lapang. Mulakan dengan satu buku, dan dari situlah akan bermula perubahan besar dalam hidup dan dalam masyarakat kita.



BERITA GLOBAL

# DHL GANTUNG PENGHANTARAN BERNILAI TINGGI KEPADA PELANGGAN AS SUSULAN PERATURAN TARIF TRUMP

**ISTANBUL,** 21 April. - Syarikat kurier antarabangsa DHL menggantung penghantaran bungkusan bernilai melebihi AS$800 kepada pelanggan persendirian di Amerika Syarikat (AS), susulan peraturan kastam baharu yang diperkenalkan di bawah dasar tarif Presiden Donald Trump, lapor Anadolu Ajansi.

Firma logistik global itu memaklumkan bahawa perubahan terkini dalam peraturan kastam AS, yang kini mewajibkan pemprosesan kemasukan secara rasmi bagi penghantaran melebihi AS$800, telah meningkatkan kerenah birokrasi dengan ketara dan menyebabkan kelewatan penghantaran selama beberapa hari.

Bagi menguruskan beban dokumentasi tambahan, DHL memutuskan untuk menggantung penghantaran yang melebihi had AS$800 kepada individu di AS mulai Isnin, sehingga diberitahu kelak.

Bagaimanapun, penghantaran antara perniagaan (*business-to-business*) yang melebihi nilai AS$800 akan tetap diteruskan, namun berkemungkinan mengalami kelewatan, tambah syarikat itu.

Perubahan peraturan yang digubal oleh pentadbiran Trump dan dikuat kuasa pada 5 April lalu menurunkan ambang nilai untuk kemasukan bungkusan dengan dokumentasi minimum daripada AS$2,500 kepada AS$800. - ©BERNAMA

# Sektor peruncitan borong China catat momentum kukuh

**BEIJING**, 21 April. - Sektor pemborongan dan peruncitan China mencatatkan momentum kukuh dalam tiga bulan pertama 2025, memberikan sokongan padu untuk mengembangkan permintaan domestik di negara itu, kata kementerian perdagangan pada Isnin.

Dari Januari hingga Mac, nilai tambah perdagangan borong dan runcit China meningkat sebanyak 5.8 peratus daripada tahun sebelumnya kepada mencecah 3.3 trilion yuan (kira-kira AS$457.98 bilion), atau 10.4 peratus daripada keluaran dalam negara kasar negara, menurut data dari Biro Perangkaan Negara.

Dalam tempoh tersebut, volum urus niaga pasaran komoditi utama dalam industri borong mencecah 1.3 trilion yuan, manakala volum urus niaga pasaran barangan pengguna industri meningkat sebanyak 0.8 peratus tahun ke tahun, kata kementerian itu.

Bagi industri runcit, jualan runcit barangan mencecah 11 trilion yuan dalam tiga bulan pertama, meningkat sebanyak 4.6 peratus tahun ke tahun.

China telah menyaksikan kira-kira 100.35 juta peralatan rumah baharu dijual di bawah program tukar masuk barangan penggunanya, dengan lebih 40 juta peralatan dijual pada 2025, menurut kementerian itu. - ©XINHUA

# Syarikat teknologi perlu patuhi peraturan EU – Von Der Leyen

**MOSCOW**, 21 April. - Syarikat teknologi gergasi seperti X, Meta, Apple dan TikTok mesti mematuhi peraturan Kesatuan Eropah (EU) dalam bidang teknologi digital tanpa mengira siapa yang mengendalikan syarikat terbabit dan di mana ia beroperasi, kata Presiden Suruhanjaya Eropah, Ursula von der Leyen.

"Peraturan yang diluluskan oleh para penggubal undang-undang kami mesti dikuatkuasakan.

Itulah sebabnya kami memulakan siasatan terhadap TikTok, X, Apple, Meta - sekadar menyebut beberapa nama.

Kami melaksanakan peraturan secara adil, seimbang dan tanpa prejudis.

Kami tidak peduli dari mana asal syarikat itu atau siapa yang menguruskannya. Yang penting bagi kami adalah melindungi rakyat," lapor Sputnik/RIA Novosti memetik temu bualnya bersama Politico.

Akhbar The Wall Street Journal pada 18 April melaporkan siasatan terhadap Meta dan Apple berkaitan dengan dakwaan pelanggaran Akta Pasaran Digital EU, bertujuan memastikan persaingan yang lebih adil antara syarikat digital besar dan kecil.

Siasatan dilancarkan pada Mac 2024, dengan dapatan awal diterbitkan pada musim panas tahun itu.

Menurut akhbar itu, syarikat-syarikat terbabit berkemungkinan dikenakan denda sehingga 10 peratus daripada jumlah hasil tahunan global mereka, namun jumlah sebenar mungkin lebih rendah.

Kesan terbesar dijangka bukan daripada jumlah denda, tetapi daripada arahan yang boleh memaksa syarikat-syarikat berkenaan mengubah amalan perniagaan mereka, menurut laporan. - ©BERNAMA

# Kecuaian juruterbang punca KA-1 gugur pod senjata, tangki bahan api

**SEOUL**, 21 April. - Kecuaian juruterbang dikenal pasti sebagai punca insiden sebuah pesawat ringan KA-1 menggugurkan dua pod senjata dan tangki bahan api kosong minggu lepas, lapor agensi berita Yonhap memetik kenyataan rasmi tentera udara Korea Selatan pada Isnin.

Insiden berlaku pada malam Jumaat ketika latihan penerbangan di ruang udara Pyeongchang, kira-kira 125 kilometer di timur Seoul.

Komponen berkenaan dilaporkan jatuh di kawasan pergunungan. Tiada kecederaan atau kerosakan harta benda dilaporkan akibat kejadian itu.

"Hasil siasatan mengesahkan bahawa kecuaian juruterbang di tempat duduk belakang menjadi punca kejadian," menurut kenyataan Tentera Udara.

Juruterbang berkenaan dilaporkan tersilap menekan butang pelepasan kecemasan ketika cuba melaras pemanas dalam kokpit.

Tentera Udara Korea Selatan turut memohon maaf kepada orang awam atas kejadian yang berlaku dan memberi jaminan bahawa langkah pencegahan akan diambil bagi mengelakkan insiden seumpamanya berulang.

Sebahagian besar operasi pesawat dihentikan susulan insiden itu, namun dijadualkan bersambung semula pada petang Selasa. - ©BERNAMA

# Ibu Pejabat Agensi Angkasa Afrika dirasmikan di Kaherah, Mesir

**KAHERAH**, 21 April. - Mesir merasmikan ibu pejabat Agensi Angkasa Afrika (AfSA) di Kaherah pada Ahad, lapor agensi berita Xinhua.

"Mesir berusaha keras dalam merealisasikan penubuhan agensi ini, yang mencerminkan visi 'Afrika yang Kita Mahukan' sebagaimana digariskan dalam Agenda 2063 Kesatuan Afrika," kata Menteri Luar Mesir, Badr Abdelatty pada majlis perasmian itu.

Beliau menegaskan bahawa agensi terbabit akan menjadi platform untuk memperkukuh kerjasama dalam kalangan negara-negara Afrika bagi penggunaan ruang angkasa secara aman, pertukaran kepakaran, pembangunan kapasiti serta penyatuan pendirian Afrika dalam forum antarabangsa, khususnya di bawah kerangka Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Abdelatty turut menekankan kepentingan keterbukaan agensi itu terhadap kerjasama dengan institusi penyelidikan, universiti dan agensi angkasa antarabangsa, yang akan menyumbang ke arah pembinaan asas kukuh dalam bidang sains dan teknologi angkasa lepas.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Angkasa Mesir, Sherif Sedky menyifatkan perasmian AfSA sebagai pencapaian penting dalam sejarah pembangunan Afrika.

"AfSA akan menjadi mercu tanda kepada inovasi, kerjasama dan kemajuan bagi semua negara Afrika," katanya. Selepas perasmiannya, AfSA kini berperanan sebagai entiti utama dalam menyelaras kerjasama angkasa antara benua Afrika dengan Eropah dan rakan antarabangsa lain.

Objektif utamanya ialah memperkukuh misi angkasa di seluruh Afrika, termasuk memastikan akses optimum kepada perkhidmatan, produk, maklumat dan data angkasa lepas. Mesir dipilih sebagai tuan rumah AfSA oleh Kesatuan Afrika pada 2019 selepas memenuhi kriteria politik dan teknikal yang ditetapkan. - ©BERNAMA

# Seorang maut, 11 cedera dalam kebakaran di pangsapuri di Seoul

**SEOUL**, 21 April. - Seorang maut manakala 11 lagi cedera dalam satu kejadian kebakaran di sebuah pangsapuri 21 tingkat di Bongcheon-dong, Seoul pada Ahad, lapor agensi berita Yonhap.

Kebakaran berlaku pada 8.17 pagi waktu tempatan dan dipercayai berpunca akibat perbuatan khianat, menurut pegawai polis.

Daripada 11 mangsa yang cedera, dua dilaporkan terjun dari bangunan ketika cuba menyelamatkan diri dan dihantar ke hospital untuk menerima rawatan lanjut.

Seramai sembilan lagi mengalami kecederaan ringan akibat sesak nafas dan terhidu asap.

Pihak polis kini sedang mengesan seorang lelaki yang dipercayai memulakan kebakaran dengan sengaja. - ©BERNAMA

# AS rancang potong dana Harvard sebanyak AS$1 bilion

**MOSCOW**, 21 April. - Pentadbiran Presiden Donald Trump dilapor sedang bersedia menarik balik dana penyelidikan kesihatan berjumlah AS$1 bilion kepada Universiti Harvard ekoran keengganan institusi itu melaksanakan perubahan pada dasar kakitangan dan Pendidikan.

Sebelum ini, Jabatan Pendidikan Amerika Syarikat menggantung dana sebanyak AS$2.2 bilion kepada universiti itu atas alasan yang sama, menurut sumber yang dipetik oleh Wall Street Journal dan dilaporkan oleh Sputnik/RIA Novosti.

Trump juga mencadangkan agar Harvard tidak lagi diberikan keistimewaan cukai sebagai institusi pendidikan. - ©BERNAMA

# China hentikan pembelian LNG dari AS, beralih kepada bekalan negara jiran

**MOSCOW**, 21 April. - China menghentikan pembelian gas asli cecair (LNG) dari Amerika Syarikat pada Mac, sebaliknya meningkatkan import bahan api itu dari Australia, Indonesia dan Brunei, menurut analisis data kastam China dipetik RIA Novosti.

Pada 2024, Amerika Syarikat adalah antara lima pembekal utama LNG ke pasaran China, dengan jumlah eksport sebanyak 4.15 juta tan bernilai AS$2.4 bilion.

Pada Januari 2025, China membeli 194,200 tan LNG daripada syarikat AS bernilai AS$125.4 juta, namun jumlah itu merosot kepada 65,800 tan dengan nilai AS$31.4 juta pada Februari.

Pada Mac, tiada sebarang penghantaran LNG dari Amerika Syarikat ke China direkodkan, menjadikannya gangguan pertama sejak Jun 2022.

Bagaimanapun, China menampung kekurangan itu dengan meningkatkan pembelian daripada negara jiran serantau.

Indonesia mencatatkan peningkatan eksport sebanyak 1.7 kali ganda kepada AS$330.7 juta, manakala Australia meningkatkan bekalan sebanyak 18 peratus kepada AS$778.4 juta.

Di samping itu, China turut menyambung semula import dari Brunei dengan jumlah bernilai AS$51 juta pada Mac.

Pada 2 April lalu, Presiden Amerika Syarikat Donald Trump menandatangani perintah eksekutif yang memperkenalkan tarif 'timbal balik' terhadap import dari negara luar, termasuk kadar tertinggi ke atas China.

Langkah itu menyumbang kepada peningkatan ketegangan dalam perang perdagangan antara kedua-dua kuasa ekonomi dunia. - ©BERNAMA

BERITA GLOBAL

# SEKATAN VAKSIN POLIO OLEH ISRAEL JEJASKAN 602,000 KANAK-KANAK GAZA BERISIKO LUMPUH KEKAL

**GAZA**, 22 April. - Kira-kira 602,000 kanak-kanak di Semenanjung Gaza berdepan risiko lumpuh kekal dan kecacatan kronik susulan penggantungan penghantaran vaksin polio selama 40 hari oleh pihak berkuasa Israel, lapor Agensi Berita dan Penerangan Palestin (WAFA) yang memetik sumber perubatan.

Menurut laporan itu, sumber berkenaan menjelaskan bahawa sekatan terhadap penghantaran vaksin menghalang pelaksanaan fasa keempat usaha memperkukuh pencegahan polio.

Mereka turut memaklumkan bahawa kanak-kanak di Gaza kini berdepan ancaman komplikasi kesihatan serius dan luar biasa akibat kekurangan makanan dan air minuman yang mencukupi. - ©BERNAMA

# Pengundian awal dibuka bagi pilihan raya umum Australia

**CANBERRA**, 22 April. - Pengundian awal bagi pilihan raya umum Australia bermula pada Selasa, dengan kira-kira separuh daripada 18 juta pengundi berdaftar dijangka mengundi sebelum hari pengundian pada 3 Mei, lapor Xinhua.

Ratusan pusat pengundian awal di seluruh Australia mula dibuka seawal 8.30 pagi waktu tempatan ketika kempen pilihan raya memasuki fasa akhir.

Peratusan rakyat Australia yang memilih untuk mengundi awal, sama ada secara fizikal atau melalui pos, telah meningkat secara berterusan dalam pilihan raya persekutuan kebelakangan ini - daripada kurang 20 peratus pada 2004 kepada hampir 50 peratus pada 2022.

Mengundi dalam pilihan raya adalah wajib bagi lebih 18 juta warganegara berumur 18 tahun ke atas yang telah mendaftar dengan Suruhanjaya Pilihan Raya Australia (AEC). Menurut AEC, kadar pendaftaran pengundi layak bagi pilihan raya 3 Mei mencatat rekod tertinggi iaitu 98.2 peratus.

Meskipun jutaan undi akan dilaksanakan lebih awal, kakitangan AEC tidak dibenarkan memulakan pengiraan undi sebelum semua pusat pengundian ditutup pada 6 petang waktu tempatan, 3 Mei.

Jill Sheppard, pensyarah kanan dalam bidang politik dan hubungan antarabangsa di Australian National University, berkata peningkatan pengundian awal boleh dikaitkan dengan kemudahan proses pra-pengundian serta tahap keengganan yang semakin meningkat dalam kalangan pengundi terhadap parti politik dan kempen pilihan raya. - ©BERNAMA

# Filipina mencatatkan defisit USD2 bilion pada bulan Mac

**MANILA**, 22 April - Imbangan pembayaran keseluruhan (BOP) Filipina mencatatkan defisit AS2 bilion pada Mac 2025, pembalikan daripada lebihan USD1.2 bilion yang dicatatkan pada Mac 2024, kata bank pusat negara itu Isnin.

Bangko Sentral ng Pilipinas (BSP) berkata defisit BOP Mac 2025 mencerminkan pengeluaran kerajaan negara ke atas deposit mata wang asingnya dengan BSP untuk memenuhi obligasi hutang luar negeri dan operasi pertukaran asing bersih BSP.

"Defisit ini membawa paras BOP kumulatif kepada defisit USD3 bilion, menandakan pembalikan daripada lebihan USD238 juta yang direkodkan dari Januari hingga Mac 2024," kata BSP. Berdasarkan data awal, defisit tahun sehingga kini terutamanya mencerminkan defisit perdagangan yang semakin meluas dalam barangan.

Walau bagaimanapun, penurunan ini sebahagiannya diredam oleh aliran masuk bersih yang berterusan daripada kiriman wang peribadi, pelaburan langsung asing dan pinjaman asing oleh kerajaan negara.

"Kedudukan BOP mencerminkan penurunan dalam rizab antarabangsa kasar (GIR) akhir kepada USD106.7 bilion pada akhir Mac 2025, turun daripada USD107.4 bilion pada akhir Februari 2025," kata bank itu.

Ia menambah bahawa tahap GIR terkini menyediakan penimbal mudah tunai luaran yang teguh, bersamaan dengan import barangan bernilai 7.4 bulan dan pembayaran perkhidmatan dan pendapatan utama. Selain itu, ia meliputi kira-kira 3.6 kali hutang luar negeri jangka pendek negara berdasarkan baki tempoh matang. - ©XINHUA

# Universiti Harvard saman pentadbiran Trump berhubung pemotongan dana

**WASHINGTON**, 22 April. - Universiti Harvard menyaman pentadbiran Trump pada Isnin selepas kerajaan persekutuan membatalkan lebih AS$2 bilion pembiayaan untuk universiti elit itu, lapor Anadolu Ajansi.

"Sepanjang minggu lalu, kerajaan persekutuan telah mengambil beberapa tindakan berikutan keengganan Harvard untuk mematuhi tuntutan haramnya," kata Presiden Alan Garber dalam satu kenyataan.

"Sebentar tadi, kami telah memfailkan tuntutan mahkamah untuk menghentikan pembekuan pembiayaan kerana ia menyalahi undang-undang dan di luar kuasa kerajaan," tambah Garber.

Menurut tuntutan mahkamah itu, pentadbiran Trump dituduh menyalahi undang-undang kerana ia melanggar hak Pindaan Pertama, serta undang-undang dan peraturan persekutuan.

"Kerajaan menggunakan ancaman menahan dana persekutuan dalam usaha untuk memaksa Harvard untuk mematuhi gabungan pandangan dan ideologi pilihan kerajaan," menurut kenyataan itu.

Universiti berkenaan merupakan institusi utama pertama yang secara terbuka menentang arahan pentadbiran tersebut, yang menurut pegawai Trump bertujuan memerangi anti-semitisme susulan protes kampus berkaitan perang ganas Israel di Semenanjung Gaza.

Pentadbiran itu turut menyasarkan program kepelbagaian, kesaksamaan dan keterangkuman (DEI), yang disifatkan mereka sebagai diskriminasi yang haram dan tidak bermoral.

Walaupun pentadbiran Trump mendakwa tujuannya adalah untuk memerangi anti-semitisme, Garber berkata beliau, sebagai seorang Yahudi dan rakyat Amerika, amat memahami bahawa terdapat kebimbangan yang sah mengenai peningkatan anti-semitisme.

"Harvard mengambil serius usaha ini. Kami akan terus melawan kebencian dengan penuh keprihatinan. Sebelum mengambil tindakan hukuman, undang-undang menetapkan bahawa kerajaan persekutuan perlu berunding dengan kami mengenai cara kami menanganinya dan akan terus memerangi anti-semitisme," katanya lagi. - ©BERNAMA

# China, Indonesia adakan Mesyuarat pertama Mekanisme Dialog Menteri Luar, Menteri Pertahanan

**BEIJING**, 22 April. - Mesyuarat pertama Mekanisme Dialog Menteri Luar dan Menteri Pertahanan China-Indonesia (2+2) diadakan di sini, pada Isnin.

Menteri Luar China, Wang Yi, Menteri Pertahanan China, Dong Jun, bersama-sama Menteri Luar Indonesia, Sugiono dan Menteri Pertahanan Indonesia, Sjafrie Sjamsoeddin mempengerusikan mesyuarat tersebut.

Wang Yi menyatakan bahawa di bawah bimbingan Presiden Xi Jinping dan Presiden Prabowo, China dan Indonesia menubuhkan dan melancarkan mekanisme dialog Menteri Luar dan Menteri Pertahanan, mekanisme '2+2' peringkat menteri pertama yang ditubuhkan China dengan negara luar.

Ia sekali gus memaparkan rasa saling percaya strategik bertaraf tinggi antara kedua-dua negara ini dalam bidang politik, dan memperkaya konotasi komuniti berkongsi nasib China-Indonesia yang mempunyai pengaruh di rantau ini, malah dunia, tambah Wang Yi.

Dong Jun berkata China bersedia bersama-sama Indonesia untuk melaksanakan konsensus yang dicapai pemimpin kedua-dua negara, membina corak kerjasama pertahanan dan keselamatan yang mempunyai kesalingpercayaan strategik lebih kukuh, kerangka institusi lebih lengkap, koordinasi lebih tegap, dan kemampuan lebih kuat untuk menghadapi cabaran.

Sugiono menyatakan Indonesia bersedia bersama China untuk memperkukuh rasa saling percaya dalam bidang politik, meningkatkan pertukaran lawatan di pelbagai peringkat, mempergiat kerjasama saling untung, serta meningkatkan komunikasi dan koordinasi dalam rangka pelbagai hala.

Sjafrie berkata Indonesia bersedia bersama China untuk merapatkan kerjasama dalam sektor pertahanan, keselamatan maritim dan lain-lain, demi memelihara keamanan dan kestabilan serantau. - ©BERNAMA

# Ais laut Artik capai tahap terkecil dalam 46 tahun ekoran pencairan luar biasa

**TOKYO**, 22 April. - Tahap ais kutub di Lautan Artik menyusut pada musim sejuk 2025 ke tahap terkecil sejak pengukuran bermula pada 1979.

Menurut Agensi Berita Qatar, Agensi Penerokaan Aeroangkasa Jepun (JAXA) mengumumkan bahawa tahap maksimum litupan ais Lautan Artik adalah yang terkecil pada 2025 dalam tempoh lebih empat dekad, memperbaharui rekod yang dicatat lapan tahun lalu.

Para saintis di JAXA dan Institut Penyelidikan Kutub Kebangsaan (NIPR) menggunakan satelit 'Shizuku' untuk memantau ais di Artik.

Pengukuran menunjukkan bahawa keluasan maksimum liputan ais untuk tahun ini dicapai pada 20 Mac 2025, iaitu sebanyak 13.79 juta kilometer persegi.

Angka itu adalah 130,000 kilometer persegi lebih kecil daripada rekod sebelumnya pada 2017, dan yang terkecil dalam rekod berdasarkan data yang tersedia dari 1979.

Peta yang disediakan oleh laporan itu menunjukkan bahawa keluasan ais laut pada 2017 jauh lebih rendah daripada paras 2012 dan purata untuk dekad kedua abad ke-21.

Garis keluasan ais 2025 juga didapati lebih kecil daripada 2017. Walaupun purata 2017 lebih rendah, keluasan ais 2025 adalah lebih rendah 130,000 kilometer persegi, menjadikannya yang terkecil sejak 1979.

Presiden JAXA, Hiroshi Yamakawa berkata bahawa ini berkaitan dengan perubahan iklim, melahirkan kebimbangan bahawa ia akan menjejaskan cuaca dan persekitaran marin. - ©BERNAMA

# Bola Baling semakin berkembang di peringkat nasional



FOKUS SUKAN

Oleh: Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Foto: Ihsan Persekutuan Bola Baling Brunei

SUKAN Bola Baling merupakan sukan yang sudah tidak asing lagi dan kini, perkembangan sukan ini semakin meluas ke lebih 180 negara terutamanya di Eropah, Asia, dan Afrika.

Sukan ini adalah gabungan daripada beberapa kemahiran asas Bola Keranjang dan Bola Sepak. Permainan ini mula mendapat pengiktirafan antarabangsa sebagai satu permainan yang diminati. Daripada segi populariti, Bola Baling sudah menjadi permainan yang setanding dengan permainan-permainan lain.

Menurut sejarah, sekitar tahun 1936, sukan Bola Baling mula diperkenalkan di Sukan Olimpik Berlin tetapi sukan ini dipertandingkan di luar padang dan sekitar tahun 1972, sukan Bola Baling dipertandingkan dalam gelanggang tertutup atau *indoor* pada temasya Sukan Olimpik Munich.

Mungkin ramai yang masih yang belum tahu bagaimana sukan ini dimainkan dan apakah peraturan asas yang perlu diketahui sebelum terjun ke sukan ini.

Sukan Bola Baling mempertandingkan antara dua pasukan dan setiap pasukan terdiri daripada tujuh orang pemain iaitu enam pemain biasa dan seorang penjaga gawang dan jumlah keseluruhan pemain dalam satu pasukan termasuk pemain simpanan adalah 14 orang.

Objektif permainan adalah pasukan yang bertanding akan cuba sedaya upaya untuk menjaringkan gol dengan membaling bola ke dalam gawang pasukan lawan dan setiap perlawanan ditetapkan selama 60 minit dengan dibahagikan kepada dua iaitu setiap babak perlawanan dimainkan selama 30 minit dan rehat selama 10 minit antara dua masa.

Peraturan asas yang perlu diketahui bagi mereka yang ingin menceburi sukan ini iaitu yang pertama, apabila pergerakan membawa bola, pemain hanya dibenarkan mengambil tiga langkah tanpa melantun bola (*dribble*) dan seterusnya pemain boleh melantunkan bola, kemudian mengambil tiga lagi langkah dan seterusnya mesti menghantar atau membaling bola.

Sementara itu, hanya penjaga gol sahaja dibenarkan berada dalam kawasan gol atau dikenali sebagai kawasan D. Jika pemain memasuki kawasan ini untuk menjaringkan gol, jaringan tersebut akan dibatalkan.

Berkenaan dengan peraturan hantaran dan jaringan, pemain mesti melakukan hantaran menggunakan tangan dan jaringan hanya sah jika bola melepasi garisan gawang sepenuhnya dan pemain boleh melompat dari luar kawasan D dan membaling bola ke arah gawang asalkan tidak memasuki kawasan D.

Di Negara Brunei Darussalam, sukan Bola Baling secara rasminya mula bertapak pada tahun 2012 selepas tertubuhnya Persekutuan Bola Baling Brunei pada 13 Mac 2012 yang dirasmikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Pada awal tertubuhnya persekutuan tersebut, sukan Bola Baling adalah sukan yang baharu diperkenalkan, hanya segelintir masyarakat yang mengenali dan bermain sukan ini, memandangkan sukan ini dimainkan di dalam dewan, agak sukar untuk mencari gelanggang dalam dewan pada masa itu, dan hanya Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas dan dewan serbaguna Universiti Brunei Darussalam (UBD) yang ada gelanggang Bola Baling.

Setakat ini, Persekutuan Bola Baling Brunei mempunyai seramai kira - kira 40 orang ahli termasuk lelaki dan perempuan.

Pelita Brunei berkesempatan menemu bual Setiausaha Kehormat Persekutuan Bola Baling Brunei, Siti Nurzaimah Zahiah binti Haji Zaim, yang mana beliau mula berkecimpung dalam sukan Bola Baling ini pada tahun 2008 ketika mengambil Kursus Bola Baling yang merupakan salah satu modul Kursus Pendidikan Jasmani di UBD.

Sejak mengenali sukan ini, beliau sering dijemput untuk menjalani latihan bersama 'Shooters Handball Club' dan pada penghujung tahun 2011, beliau secara rasminya menjadi ahli kelab Bola Baling yang dinamakan 'Shooters Handball Club'.

Mengenai perkembangan sukan di Negara Brunei Darussalam, beliau mengongsikan sehingga hari ini, sukan Bola Baling di negara ini semakin berkembang. Dengan adanya media sosial, sukan ini semakin dikenali. Persekutuan Bola Baling Brunei menganjurkan beberapa kejohanan dalam negara. Antara kejohanan yang dianjurkan ialah 'Higher Institution Championship' pada tahun 2022.

Manakala kejohanan luar negara yang pernah diikuti ialah Youth & Junior Women IHF Trophy 2019 Asia Zone 1B di Jakarta Indonesia dan 'Sarawak Open Championship 2023' di Kuching.

Pada masa ini, para pemain di bawah Persekutuan Bola Baling Brunei giat melakukan latihan bagi kejohanan dalam negara dan serantau serta persiapan Sukan SEA yang akan berlangsung pada bulan Disember 2025 di Thailand.

Berkenaan dengan perancangan untuk tahun ini dan seterusnya, Siti Nurzaimah Zahiah mengongsikan Persekutuan Bola Baling Brunei merancang untuk mengadakan Program Latihan Berkala iaitu mengadakan latihan tiga kali seminggu di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Latihan ini menyasarkan golongan muda sebagai pelapis kepada pemain sedia ada.

Sementara itu, usaha dipertingkatkan dalam Pembangunan Kejurulatihan dan Pengadilan bagi meningkatkan kualiti jurulatih dan pegawai teknikal dalam sukan bola baling.

Dengan usaha secara kolektif ini, Persekutuan Bola Baling Brunei berharap untuk menyertai Kejohanan Serantau dan berpeluang untuk menyertai Sukan SEA 2025 di Thailand pada bulan Disember ini.

Dalam pada itu juga, Siti Nurzaimah Zahiah berpendapat bahawa gelanggang untuk sukan ini sangat terhad dan pihak persekutuan diberikan slot sekali seminggu sahaja untuk menggunakan gelanggang di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. Selebihnya terpulang kepada inisiatif persekutuan ini sendiri untuk mencari tempat latihan yang sesuai. Menurut pendapatnya lagi, perlu disediakan khas gelanggang Bola Baling agar atlet boleh meningkatkan mutu permainan dengan lebih baik.

Untuk akhirnya, harapan mengenai sukan ini di peringkat nasional, beliau berharap sukan ini akan menjadi salah satu sukan pilihan dalam kalangan pelajar dan belia di negara ini kerana ia dapat membantu memantapkan amalan gaya hidup sihat serta membentuk semangat berpasukan.

Daripada segi pembangunan infrastruktur dan program diharapkan dapat diperluaskan seluruh negara dan penubuhan lebih banyak kelab Bola Baling di peringkat sekolah dan akar umbi.

Bukan itu sahaja, mempertingkatkan kualiti jurulatih dan pegawai teknikal merupakan perkara yang mustahak bagi memartabatkan mutu sukan ini.

Untuk ke depannya, beliau berharap Negara Brunei Darussalam dapat menyertai lebih banyak kejohanan Bola Baling di peringkat ASEAN, Asia dan dunia bagi memberikan pendedahan kepada atlet dan pada masa yang sama mengharumkan nama negara.

Usaha dan iltizam ini perlulah mendapat sokongan dan dorongan daripada semua pihak tidak kira pihak kerajaan dan swasta agar sukan ini dapat diketengahkan dan Negara Brunei Darussalam dapat bersaing di peringkat antarabangsa nanti.



# SEKOLAH SUKAN JUARAI BDSNSL 2025



TETAMU Kehormat, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Korporat), Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Anis Faudzulani binti Haji Dzulkiflee bergambar ramai bersama pasukan dari Sekolah Sukan yang menjuarai BDSNSL 2025.

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BERAKAS**, Selasa, 22 April. - Sekolah Sukan berjaya menjulang Piala Pusingan Kementerian Pendidikan sumbangan Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan setelah dinobatkan sebagai juara pada Kejohanan Bola Jaring Liga Super Sekolah-Sekolah Negara Brunei Darussalam, Tahun 2025 (Brunei Darussalam Schools Netball Super League, BDSNSL 2025) yang berakhir hari ini berlangsung di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Juara turut menerima Piala Iringan, insentif sebanyak BND1,000 dan pingat emas.

Sementara naib juara diraih oleh Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, menerima hadiah berupa insentif sebanyak BND800 dan tempat ketiga dimenangi oleh Sekolah Menengah Tanjong Maya yang membawa pulang hadiah insentif sebanyak BND600.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Korporat), Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Anis Faudzulani binti Haji Dzulkiflee.

Pada kejohanan tersebut, Dayangku Siti Khairun Bartisyia binti Pengiran Haliddi dari Sekolah Sukan menerima anugerah sebagai Penjaring Terbaik.

Pada tahun ini, BDSNSL 2025 yang dikelolakan oleh Bahagian Jasmani dan Rekreasi, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan diadakan dengan format liga yang melibatkan lapan buah sekolah yang mengekalkan kedudukan di BDSNSL 2024 dan dua pasukan teratas di Kejohanan Bola Jaring Piala Perdana Brunei Darussalam (Brunei Darussalam Schools Netball Premier Cup, BDSNPC 2024) yang telah layak masuk ke BDSNSL 2025.

Antara tujuan kejohanan ini diadakan adalah untuk mengenal pasti pelajar-pelajar yang berpotensi dan berbakat dalam sukan bola jaring bagi mewakili Pasukan Bola Jaring Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam (MS SSBD) ke kejohanan-kejohanan di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

Selain itu, kejohanan ini juga bertujuan untuk meningkatkan dan mengukuhkan rangkaian kerjasama antara institusi-institusi pendidikan dan agensi-agensi berkaitan dalam usaha menerapkan pendidikan melalui sukan bola jaring dalam kalangan pelajar, serta menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dalam memastikan kehidupan yang sihat dan sejahtera untuk semua peringkat umur.

# Kejohanan Badminton eratkan silaturahim, tingkatkan gaya hidup sihat



PARA pemenang Kejohanan Badminton Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam bergambar ramai bersama tetamu-tetamu kehormat majlis.

**Siaran Akhbar dan Foto : Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 21 April. - Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam buat julung kalinya mengadakan acara Kejohanan Badminton anjuran Lajnah Tsaqafah dan Riadah yang dibukakan khusus bagi alumni Al-Azhar Brunei Darussalam.

Kejohanan telah berlangsung di Dewan Gimnasium, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Gadong.

Kejohanan Badminton berkenaan berlangsung selama dua hari, iaitu pada Jumaat, 18 April 2025 bagi Kategori Wanita Terbuka dan pada Ahad, 20 April bagi Kategori Lelaki Terbuka.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi kejohanan Kategori Wanita Terbuka, Penolong Rektor (Akademik) UNISSA, Profesor Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad selaku Naib Ra'es II Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam.

Manakala, hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi kejohanan Kategori Lelaki Terbuka, Ra'es Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof.

Kedua-dua kejohanan berkenaan dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah secara beramai-ramai diketuai oleh Pengerusi Lajnah Tsaqafah dan Riadah, Awang Mohammad Alwendy bin Mohammad Fadillah, diikuti dengan acara senamrobik dan taklimat ringkas mengenai peraturan pertandingan.

Adapun kejohanan berkenaan dilaksanakan secara pusingan *Round Robin* dan *Knockout* bagi peringkat beregu, yang terdiri daripada lima buah pasukan kategori wanita (edisi Akhawat) dan enam buah pasukan kategori lelaki (edisi Ikhwah).

Johan bagi Kategori Wanita Terbuka ialah Kumpulan Al-Farisat, manakala naib johan disandang oleh Kumpulan Asfour.

Sementara, johan bagi Kategori Lelaki Terbuka pula disandang oleh Kumpulan Gunners, manakala naib johan milik Kumpulan As-Syabab.

Penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh tetamu-tetamu kehormat majlis.

Kejohanan berkenaan bertujuan untuk merapatkan silaturahim di antara para Ahli Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam selain untuk menjadikan ahli Rabitah sebagai seorang Muslim yang mengamalkan gaya hidup sihat yang juga boleh membawa kepada akal fikiran yang sihat.

Turut hadir, Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal selaku Naib Ra'es Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam, Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Rabitah serta para ahli-ahli yang lain.



PENOLONG Rektor (Akademik) UNISSA, Profesor Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad bersama pemenang Kategori Wanita Terbuka.